



**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 12937]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1984**

**Jawatankuasa—**

**Jadual:**

**Maksud B. 23 hingga B. 26 [Ruangan 12982]**

**Maksud B. 27 [Ruangan 13038]**

**USUL-USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat**  
[Ruangan 12981]

**Anggaran Pembangunan, 1984:**

**Jawatankuasa—**

**Maksud P. 23 hingga P. 26 [Ruangan 12982]**

**Maksud P. 27 [Ruangan 13038]**

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S., (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N, S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Pematang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S, B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.I., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lular).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S, P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J. S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

- Yang Berhormat TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.  
(Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.  
Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.  
Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.  
Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.  
Penyunting: P. B. Menon.  
Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.  
Louis Yeoh Sim Ngoh.  
Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.  
Suhor bin Husin.  
Amran bin Ahmad.  
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.  
Margaret Chye Kim Lian.  
Puan Kong Yooi Thong.  
Juliah binti Awam.  
Supiah binti Dewak.  
Ismail bin Hassan.  
Shamsiah binti Mohd. Yusof.  
Hajjah Kalsom binti Ghazali.  
Mohamed bin Osman.  
Norishah binti Mohd. Thani.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 18hb November, 1983

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

**Tuan Yang Dipertua:** Yang  
Berhormat Dato' Haji Saidin bin Haji  
Mat Piah.

*(Soalan No. 1 Yang Berhormat Dato'  
Haji Saidin bin Haji Mat Piah tidak  
hadir).*

**Tuan Yang Dipertua:** Yang  
Berhormat Dr George Chan Hong  
Nam.

*(Soalan No. 2 Yang Berhormat Dr  
George Chan Hong Nam tidak hadir).*

**Tuan Yang Dipertua:** yang  
Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

*(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Lim Kit  
Siang tidak hadir)*

CERMIN GELAP  
(TINTED GLASS) MOTOKAR—  
PENGUNAAN

**4. Tuan Mohammad Idris bin  
Mohammad Basri** minta Menteri  
Pengangkutan menyatakan adakah  
beliau sedar terdapat beberapa  
tuanpunya motokar yang masih lagi  
menggunakan cermin gelap (tinted

glass) walaupun undang-undang  
mengenai pengharaman ke atas cermin  
gelap masih berkuatkuasa dan untuk  
mengesan mereka yang menggunakan  
cermin gelap tanpa kebenaran adakah  
beliau akan mengeluarkan kebenaran  
menggunakan cermin hitam dengan  
mempamerkan pelekat plastik yang  
dikeluarkan oleh Jabatan  
Pengangkutan Jalan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan  
(Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):**  
Tuan Yang Dipertua, Kementerian  
saya tidak bercadang untuk  
mengeluarkan pelekat plastik kepada  
pemilik-pemilik kereta yang telah  
dibenarkan menggunakan cermin  
gelap atau kaca berwarna (tinted  
glass).

Mereka yang dibenarkan setelah  
mendapat pengecualian daripada Yang  
Berhormat Menteri Pengangkutan di  
bawah Kaedah 9 (c), Kaedah-kaedah  
Kereta Motor (Pembinaan,  
Kelengkapan dan Penggunaan)  
(Larangan mengenai Jenis-jenis Kaca  
Tertentu) (Pindaan) 1982, adalah  
dikehendaki membawa surat  
kebenaran di dalam kereta mereka.  
Mereka yang lain yang dikecualikan  
mengikut Kaedah 9 (a), Kaedah-  
kaedah yang sama tidak perlu berbuat  
demikian.

Penguatkuasaan Undang-undang  
mengenai pengharaman ke atas cermin  
gelap adalah dijalankan oleh pihak  
Polis dan juga Jabatan Pengangkutan  
Jalan.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah Kerajaan ada mencipta satu alat yang boleh dipanggil sebagai alat penentu peratus kegelapan yang dibolehkan atau dibenarkan oleh Kerajaan di cermin-cermin kenderaan yang menggunakan jalan raya bagi mereka ataupun pemilik-pemilik kenderaan yang tidak dibenarkan menggunakan cermin gelap ini? Jika tidak ada, apakah kriteria yang digunakan bagi memastikan sesuatu cermin kenderaan itu terlalu gelap ataupun sedikit gelap ataupun sedikit cerah. Yang mana di antara tiga itu; yang terlalu gelapkah, sedikit gelap ataupun ada cerah sedikit yang dibolehkan bagi mereka yang memiliki kenderaan yang tidak dibenarkan menggunakan cermin gelap?

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang Dipertua, mengikut kaedah di dalam peraturan yang telah saya perkatakan tadi, tafsiran cermin gelap adalah cermin-cermin yang digunakan yang mana kurang daripada 70% cahaya boleh menembusi cermin yang berkenaan. Jadi, kalau hendak mengikut tafsiran Ahli Yang Berhormat itu tadi, iaitu terlalu gelap, gelap dan kurang gelap, maka cermin-cermin yang berkenaan bolehlah dikatakan terlalu gelap dan juga gelap, maka yang kurang gelap itu masih boleh dibenarkan dengan syarat bahawa sekurang-kurangnya 70% daripada cahaya boleh memasuki cermin yang berkenaan.

Mengenai jenis ataupun alat yang digunakan bagi mengukur cahaya yang berkenaan, Kerajaan pada masa dahulu telahpun menggunakan satu jenis alat yang dipanggil, dengan izin, Bosch Evaluating Instrument and Accessories, dan pada masa ini pihak SIRIM sedang mengkaji alat-alat yang lain yang lebih sesuai lagi.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya telah

difahamkan bahawa kereta-kereta khas Pegawai-pegawai Tentera dan Polis boleh menggunakan cermin gelap ini, tetapi terdapat juga kereta-kereta biasa yang menggunakan cermin gelap. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar masih terdapat juga cermin gelap ini, adakah tidak terkawal lagi?

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang Dipertua, memang benar bahawa Pegawai-pegawai Polis dan juga Pegawai-pegawai Tentera yang mana diluluskan oleh Ketua Polis Negara ataupun Panglima Angkatan Tentera dibenarkan untuk menggunakan cermin gelap. Ini adalah dari segi keselamatan pada keseluruhannya.

Yang lain, yang mana tidak ada kelulusan, maka sepertimana yang saya katakan tadi, pihak Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan sentiasa mengawasi keadaan dan jika didapati bahawa mereka yang menggunakan cermin terlalu gelap ataupun gelap akan diberi amaran dan seterusnya diambil tindakan sekiranya mereka tidak mengurangkan kegelapan yang berkenaan.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye.

*(Soalan No. 5 Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye tidak hadir).*

## BANK ISLAM—PRESTASI

**6. Tuan Haji Seroji Afendi bin Haji Haron** minta Menteri Kewangan menyatakan prestasi Bank Islam semenjak ditubuhkan berkaitan dengan;

- (a) pencaruman kepada akaun simpanan tetap, akaun semasa, pinjaman dan pelaburan;
- (b) bilangan pelanggan mengikut kaum;

- (c) bilangan pekerja mengikut kaum; dan
- (d) sama ada terdapat sebarang rancangan untuk menubuhkan cawangannya dalam tahun-tahun 1984-1986 di Negeri-negeri dan Daerah-daerah.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, simpanan yang diterima oleh Bank Islam seperti pada 30hb September, 1983 adalah kira-kira \$27.5 juta dari 13,142 penyimpan. Daripada jumlah itu \$17.8 juta adalah terdiri dari akaun simpanan pelaburan, \$4.6 juta akaun simpanan tabungan manakala \$5.1 juta lagi adalah dari akaun simpanan semasa.

Dari segi bilangan penyimpan pula, seramai 1,339 orang menyimpan dalam akaun pelaburan manakala bilangan penyimpan bagi akaun simpanan dan akaun semasa masing-masing adalah 10,398 dan 1,405 penyimpan.

Daripada bilangan penyimpan yang berjumlah 13,142 orang tersebut 12,927 adalah terdiri daripada bumiputera, 106 daripada keturunan Cina, 70 keturunan India, 39 kaum-kaum lain.

Bilangan peminjam dengan Bank ini pula adalah 64 orang dan terdiri dari individu-individu bumiputera dan firma serta perbadanan yang dikawal oleh bumiputera.

Pada 30hb September, 1983 kakitangan-kakitangan Bank Islam adalah berjumlah 177 orang yang mana 173 terdiri daripada bumiputera, 3 keturunan Cina dan satu keturunan India.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank tersebut mempunyai rancangan jangka panjang untuk menubuhkan cawangan-cawangan di seluruh negara, di ibu-ibu negeri dan di bandar-bandar lain yang lebih kecil. Bank Islam telah pun membuka sebuah

cawangan di Kuala Terengganu yang telah memulakan perniagaannya pada 1hb November, 1983 ini, Bank ini juga akan membuka dua cawangan lagi di Kota Bharu dan Alor Setar masing-masing dijangka akan memulakan operasi dalam bulan Januari dan April, 1984.

Walau bagaimanapun, seperti Ahli Yang Berhormat sedar Bank Islam baru sahaja memulakan urusniaganya pada 1hb Julai, 1983 dan sebagai sebuah bank baru yang berasaskan suatu konsep baru Bank Islam terpaksa membuat perancangan yang teliti dan teratur dalam membuka sesuatu cawangan supaya dapat menjamin kejayaan dan keutuhannya sebagai sebuah institusi perdagangan.

Kemampuan untuk menyediakan kakitangan yang terlatih juga diambil kira untuk mengendalikan cawangan-cawangan tersebut.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang Dipertua, dalam jawapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tadi ada menyatakan bahawa setakat ini terdapat seramai 64 orang peminjam. Jadi, saya ingin tahu apakah bentuk-bentuk pinjaman yang dikeluarkan dan sama ada boleh se-orang peminjam itu meminjam untuk membuat rumah dan sebagainya. Jika boleh membuat pinjaman perumahan, apakah syarat-syaratnya.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang Dipertua, setakat ini saya diberitahu pinjaman-pinjaman ini merupakan pinjaman perniagaan.

## KEMELESETAN EKONOMI MALAYSIA

**7. Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis** minta Menteri Kewangan menyatakan peratus (%) kemelesetan ekonomi yang dihadapi oleh Malaysia kesan daripada kemelesetan ekonomi dunia semenjak tahun 1980 dan

perubahan-perubahan yang berlaku sehingga ke hari ini. Bilakah agaknya keadaan kemelesetan ekonomi ini akan pulih semula mengikut kacamata Kementerian ini.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang Dipertua, ekonomi dunia mula mengalami kemelesetan dalam tahun 1980. Ini adalah berikutan dari dasar-dasar ekonomi dan kewangan negara-negara maju untuk megawal inflasi yang tinggi akibat daripada kenaikan harga minyak yang melambung tinggi sejak tahun 1973.

Pada tahun 1980, pengeluaran negara-negara perindustrian yang menyumbang sebanyak 70% daripada jumlah pengeluaran dunia mencapai pertumbuhan pada kadar 1.3% sahaja berbanding dengan kadar pertumbuhan sebanyak 3.4% yang dicapai dalam tahun 1979.

Pada tahun 1981 ekonomi negara-negara ini terus merosot dan berkembang hanya sebanyak 1.2%. Keadaan kemelesetan ekonomi dunia menjadi semakin buruk dalam tahun 1982. Dalam tahun itu negara-negara perindustrian langsung tidak mengalami pertumbuhan ekonomi malah pengeluarannya berkurangan sebanyak 0.3% berbanding dengan tahun 1981.

Memandangkan bahawa lebih daripada separuh daripada pendapatan negara berpunca daripada luar negeri suasana ekonomi dunia ini tidak dapat tidak telah membawa kesan yang buruk ke atas ekonomi Malaysia mulai pada tahun 1981. Jumlah eksport negara serta harga barangan utama telah mengalami kejatuhan berikutan dengan permintaan dunia yang bekurangan. Akibatnya keluaran dalam negara kasar Malaysia telah mengalami pertumbuhan yang lebih rendah sebanyak 7.1% dalam tahun 1981 berbanding dengan 7.8% dalam tahun 1980. Kesan sepenuh

kemerosotan ekonomi dunia mula dirasai dalam tahun 1982 apabila harga barangan eksport utama mengalami kejatuhan yang lebih teruk daripada tahun 1981. Pada tahun itu keluaran dalam negara kasar mencapai pertumbuhan sebanyak 5.2%.

Bagi tahun 1983, seperti yang telah Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sebutkan dalam ucapan belanjawannya keadaan ekonomi di beberapa negara perindustrian sedang beransur pulih. Sekarang sungguhpun kadar faedah bank dan kadar pengangguran di negara-negara ini adalah masih tinggi sehingga menimbulkan persoalan sama ada pemulihan ekonomi mereka sekarang ini akan berterusan atau hanya untuk sementara waktu sahaja. Berpandukan kepada pemulihan ini dan dengan mengambil kira keadaan yang tidak berketentuan kadar pertumbuhan KDNK Malaysia dijangka akan mencapai 5.6% bagi tahun 1983 dan 6% bagi tahun 1984.

#### FELDA—ANAK-ANAK PENEROKA

**8. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan berapakah bilangan anak-anak dan tanggungan peneroka-peneroka FELDA di seluruh negara. Benarkah mereka menghadapi masalah mendapatkan pekerjaan dan lain-lain masalah sosio-ekonomi dan adakah benar terdapat kebimbangan terhadap masa depan mereka. Adakah rancangan-rancangan khusus untuk masa depan anak-anak (atau generasi kedua) peneroka-peneroka FELDA ini.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Rais Yatim):** Tuan Yang Dipertua, sehingga Oktober, 1981 jumlah penduduk FELDA dianggarkan seramai 481,692 orang. Angka ini adalah berdasar

kepada banci peneroka yang dijalankan oleh Instituti Pembangunan Tanah FELDA yang dibuat pada tahun 1976 yang mana mengangarkan setiap keluarga peneroka mengandungi 6 orang ahli iaitu peneroka dan isteri serta 4 orang anak. Jadi, berasaskan perkiraan banci tersebut dari jumlah penduduk seramai 321,128 orang adalah terdiri dari anak-anak peneroka.

Pecahan peringkat umur adalah seperti berikut:

<i>Tingkatan Umur</i>	<i>Bilangan</i>
sehingga 5 tahun .. ..	86,404
6-10 tahun .. ..	84,457
11-15 tahun .. ..	68,401
16-18 tahun .. ..	28,902
19 tahun ke atas .. ..	52,664

Berhubung dengan masalah mendapatkan pekerjaan dan lain-lain masalah ekonomi di kalangan anak-anak peneroka FELDA sememangnya ada. Walau bagaimanapun, masalah ini sebenarnya tidak hanya terbatas kepada masyarakat FELDA sahaja malah juga dihadapi oleh golongan masyarakat lain.

Berdasarkan kajian yang telah dibuat sebahagian besar anak-anak peneroka telah keluar daripada rancangan dan mendapat pekerjaan. Hanya lebih kurang 30% sahaja anak-anak peneroka yang tinggal di rancangan apabila umur mereka meningkat 20 tahun.

Mengenai rancangan-rancangan yang disusun atau disediakan untuk masa depan anak-anak peneroka atau generasi kedua, pihak FELDA telah menyediakan beberapa langkah dan sedang menyusun strategi tertentu.

Untuk peringkat kanak-kanak 4 hingga 6 tahun di tiap-tiap rancangan yang berpeneroka FELDA mengadakan Taman Didikan Kanak-kanak (TADIKAN) manakala di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah pula bantuan-bantuan

kewangan seperti bantuan peperiksaan, bantuan kelas bimbingan dan penempatan pelajar-pelajar di Asrama FELDA disediakan.

Untuk-pelajar-pelajar yang sedang menuntut di institusi-institusi pelajaran tinggi pinjaman pelajaran tinggi juga diperuntukkan.

Bagi tahun ini jumlah yang diperuntukkan ialah \$75,000 untuk bantuan peperiksaan SRP, SPM, SPVM. \$108,000 untuk bantuan kelas bimbingan bagi Darjah 5, SRP dan SPM. Seterusnya sebanyak \$115,000 untuk pinjaman Tabung Yayasan Pelajaran Tinggi.

Tuan Yang Dipertua, di bidang latihan pula, anak-anak peneroka digalakkan menyertai kursus-kursus seperti kursus kepimpinan, kemahiran, urusniaga dan perusahaan dan antara latihan-latihan yang disediakan ialah seperti filter, mechanic, menaip kesejahteraan keluarga, guru tadika, tukang kayu, kraftangan, automobile, memandu trektor dan membaiki radio dan TV. Hasil dari program latihan ini sehingga ini seramai 1,533 orang anak-anak peneroka telah dilatih di bidang-bidang berkenaan. Dari jumlah ini seramai 1,099 orang atau 71.3% telah diambil berkhidmat dengan FELDA dan Perbadanan-perbadanan FELDA. Seterusnya kira-kira 4,000 orang anak-anak peneroka FELDA akan dilatih dalam tempoh 1½ tahun mulai 1984.

Di samping kursus-kursus yang dijalankan oleh FELDA, anak-anak peneroka juga disalurkan mengikuti kursus-kursus di luar FELDA seperti di Pusat Pengeluaran Negara, MARA dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kebanyakan dari mereka yang dihantar ke tempat-tempat ini adalah mereka yang berminat dalam bidang-bidang perniagaan dan perusahaan yang memerlukan latihan di bidang pembangunan usahawan.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Kalaulah Yang Berhormat Menteri mempunyai angka di sini, setakat ini adakah terdapat anak-anak peneroka FELDA diberi peluang menyertai sebagai peserta FELDA. Jika ada, berapakah jumlahnya.

**Dato' Rais Yatim:** Tuan Yang Dipertua, bilangan anak-anak peneroka FELDA yang tinggal di FELDA ialah lebih kurang 30% dari bilangan yang dikeluarkan menerusi jawapan sebentar tadi. Dari peratusan itu sekitar 5,200 orang adalah melibatkan diri semula ke dalam rancangan dalam bentuk-bentuk penyertaan skim-skim lain ataupun skim-skim pengurusan FELDA di seluruh tanahair.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, selama rancangan FELDA ini wujud, sejauh manakah kejayaan peneroka akan mendapat taraf hidup yang lebih baik dan adakah benar bahawa setengah-setengah rancangan peneroka ini mendapat pendapatan yang begitu lumayan, maknanya berganda-ganda daripada peringkat yang sepatutnya dia sebaliknya ada pula rancangan yang menemui kegagalan. Adakah perkara ini benar berlaku.

**Dato' Rais Yatim:** Tuan Yang Dipertua, pandangan Yang Berhormat itu ada benarnya dan ada kurang tepatnya. Benarnya ialah di kawasan-kawasan seperti Bukit Goh di Pahang dan juga di beberapa kawasan di dalam Wilayah Negeri Johor pendapatan bagi seseorang peneroka yang menerokai kawasan sawit, purata pendapatan mereka di saat ini ialah lebih dari \$1,400 sebulan tetapi di kawasan-kawasan yang melibatkan pembangunan menerusi tanaman

getah dan juga kawasan-kawasan seperti di Kelantan, di Terengganu dan di negeri Sembilan pendapatan kadangkala kurang dari paras \$500 atau \$480 sebulan. Walau bagaimanapun, pandangan purata yang dapat dikumpulkan setakat ini ialah bahawa peneroka-peneroka purata atau secara pukol rata mendapat pendapatan bulanan tidak kurang dari \$490 ke \$555 sebulan, yakni jauh lebih daripada paras kemiskinan yang diperakui oleh pihak berkuasa. Walau bagaimanapun, bagi rancangan-rancangan sawit yang belum mengeluarkan hasil pendapatan minima ialah \$350 sebulan dan bagi getah \$250 sebulan. Hal seperti ini adalah berkaitan dengan sistem kredit dan pulangan yang perlu diaturkan. Walau bagaimanapun terpaksa diberi bimbingan kepada mereka yang mendapat pendapatan yang tinggi tadi iaitu agar mereka cenderung dan memaksa diri untuk membuat simpanan menerusi sekim-sekim yang diwujudkan oleh Kerajaan.

**Tuan Daud bin Dato Haji Taha:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Daripada Kerajaan FELDA membimbing anak-anak peneroka, berapa banyakkah anak peneroka yang telah berjaya mencapai kejayaan di bidang pelajaran sehingga mencapai kelulusan pelajaran di universiti ataupun institusi-institusi pelajaran tinggi dan berapa ramai pula yang telah berkhidmat dengan FELDA sebagai pegawai-pegawai ataupun di dalam pengurusan FELDA.

**Dato' Rais Yatim:** Tuan Yang Dipertua, bilangan anak-anak peneroka FELDA yang ke universiti atau di peringkat universiti pada masa ini lebih kurang 72 orang. Dari bilangan ini kita tidak menentukan berapa yang kembali ke kawasan tetapi yang bertugas semula dengan FELDA bukan sahaja dari institusi pelajaran tinggi seperti universiti, tetapi juga dari peringkat SPM ialah kira-kira 120

orang yang telah meningkat peringkat-peringkat tertentu dalam tugas dan khidmat masing-masing. Ini tidak terlibat mereka yang menjalankan tugas di peringkat kilang ataupun berkhidmat semula menerusi perbadanan.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang Dipertua, kata Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah tadi bahawa pendapatan daripada hasil getah ini adalah berkurangan daripada hasil kelapa sawit. Adakah rancangan pihak FELDA untuk menanam kelapa sawit selepas getah itu tua nanti.

**Dato' Rais Yatim:** Tuan Yang Dipertua, dasar Kerajaan kita pada masa ini ialah untuk mengekalkan *status quo* ataupun keadaan yang sedia wujud yakni sebagai pembekal atau pengeluar getah asli yang utama. Walau bagaimanapun, oleh kerana kecenderongan peserta-peserta atau peneroka-peneroka ke arah menanam dan memperolehi projek sawit, maka kadangkala memang sukar bagi FELDA untuk menahan kemahuan orang ramai seperti itu. Oleh keadaan inilah maka ada terdapat beberapa rancangan getah yang ingin ditukar dengan rancangan sawit.

Sebelum perkara seperti ini diputuskan biasanya Kementerian terpaksa menilai sesuatu kawasan itu dari segi sumbangannya kepada sektor perkebunan getah dan juga sawit dan juga perhitungan keluaran tahunan FELDA sebagai penghasil atau pengeluar getah yang utama dan juga di samping itu mengeluarkan minyak sawit yang utama di dalam negara kita.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebutkan

bahawa banyak perbezaan-perbezaan di antara satu wilayah dengan satu wilayah mengenai pendapatan yang dihasilkan oleh tiap-tiap orang peserta FELDA. Saya ingin mendapat tahu mengapa di antara satu wilayah dengan satu wilayah itu begitu banyak bezanya pendapatan.

**Dato' Rais Yatim:** Tuan Yang Dipertua, sebagai jawapan yang biasa atau dengan izin, common practice, sahaja, sebab yang utama ialah atas keadaan tanah-tanah sesuatu negeri atau wilayah di Semenanjung ini. Misalnya di kawasan atau wilayah Pasoh di Negeri Sembilan didapati bahawa kesesuaian tanah-tanahnya tidaklah sebaik seperti di kawasan Cahaya Baru di Johor. Begitu juga kalau dibandingkan dengan kawasan Bukit Goh seperti yang dijelaskan sebentar tadi. Selain daripada masalah asas ataupun perbezaan asas dalam bentuk tanah-tanah itu didapati juga masalah tanaman dan pembajaan yang dilakukan oleh peneroka sendiri, kadangkala tidak mengikut peraturan yang digariskan oleh FELDA atau diarah oleh FELDA. Di samping itu terdapatnya beberapa amalan yang tidak diredai seperti menjualkan sebahagian daripada hasil kecil-kecilan peneroka kepada pihak tengah tanpa pengetahuan pengurusan.

## GURU—TINDAKAN TATATERTIB DIAMBIL

**9. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramaikah guru-guru yang telah diambil Tindakan Tatatertib dan dijatuhkan:

- (a) hukuman buang kerja sejak 1978 hingga 1982;
- (b) hukuman-hukuman lain sejak 1978 hingga 1982, dan nyatakan sebab-sebab utama yang menyebabkan hukuman itu dijalankan.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob):** Tuan Yang Dipertua, jumlah guru yang telah diambil tindakan tata tertib sejak tahun 1978 hingga 1982 ialah 671 orang. Jumlah ini termasuk jumlah guru yang telah dibuang kerja seramai 48 orang, jumlah guru yang telah dijatuhkan lain-lain hukuman ialah 623 orang.

Sebab-sebab utama yang menyebabkan hukuman itu diambil terhadap mereka adalah seperti berikut:

- (1) Berkelakuan secara yang boleh diertikan sebagai tidak taat setia kepada negara dan membahayakan keselamatan negara.
- (2) Tidak hadir bertugas tanpa cuti atau kebenaran.
- (3) Membelakangkan kewajipan awam kerana kepentingan persendirian.
- (4) Menjatuhkan reputasi perkhidmatan awam.
- (5) Berkelakuan secara yang boleh diertikan sebagai tidak bertanggungjawab.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah di antara 671 orang guru-guru yang telah diambil tindakan terdapat guru-guru yang melakukan kesalahan kerana terlibat dengan dadah?

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang Dipertua, ada.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dari jumlah 623 orang yang dikenakan tindakan tata tertib selain daripada dibuang kerja, adakah termasuk guru-guru yang bergerak cergas dalam politik, sedangkan ianya tidak mendapat kebenaran daripada pihak Kementerian ataupun Kerajaan, adakah atau tidak?

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang Dipertua, jika dimaksudkan sebagai tidak ada kebenaran, yang sebenarnya memang ada peraturan mengatakan guru-guru mengikut kategori masing-masing mesti mendapat kebenaran atau dikecualikan untuk demikian. Jadi setakat ini mengikut kes-kes yang dirujuk semua guru-guru kita yang berkecimpung dalam politik sebenarnya ada memohon kebenaran.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Soal tambahan, Tuan Yang Dipertua, Mengenai kesalahan-kesalahan taat setia yang tersebut tadi, bolehkah Timbalan Menteri menjelaskan apakah kesalahan?

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tolong ulangkan sekali lagi soalan itu.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Tadi Timbalan Menteri tadi berkata di antara kesalahan-kesalahan yang dilakukan ialah kesalahan-kesalahan tidak taat setia. Bolehkah Timbalan Menteri menjelaskan apa itu kesalahan?

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang Dipertua, terdapat 10 kes guru-guru yang terlibat dalam kesalahan ini yang kita golongkan sebagai mereka yang melanggar Akta Keselamatan Dalam Negeri. Semenjak tahun 1978 sehingga terdapat 10 kes seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu.

**Wan Zainab binti M. A. Bakar:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu daripada ramainya yang dikenakan hukuman tadi berapakah terdiri daripada wanita dan apa-apakah kesalahan?

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang Dipertua, saya kategorikan semuanya angka-angka sebagai guru, tidak dapat angka wanita dan lelaki.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam

jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyatakan bahawa ada guru-guru yang dikenakan hukuman ataupun tindakan tata tertib atas kesalahan-kesalahan dadah. Mereka ini dikenakan tindakan tata tertib setelah di dapati oleh Mahkamah kerana menyalahgunakan dadah. Jadi apabila seseorang guru telah dijatuhkan hukuman denda atau penjara oleh Mahkamah, adakah mereka ini boleh sampai dibuang kerja ataupun selama mana tindakan tata tertib itu berjalan kepada mereka-mereka ini?

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang Dipertua, tiap-tiap hukuman itu mengikut peraturan, adalah dikenakan oleh Lembaga Tata Tertib Perkhidmatan Pelajaran, dan taraf hukuman ini bergantung kepada pertimbangan Lembaga ini mengikut berapa berat kesalahan yang dilakukan dan seperti yang saya katakan tadi ada berbagai jenis tindakan tata tertib ataupun hukuman yang boleh dikenakan.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, di antara tindakan-tindakan yang diambil terhadap guru-guru yang konon melakukan kesalahan-kesalahan tadi, adakah di antaranya itu termasuk guru-guru yang ditukar keluar negeri seperti contohnya yang dikenakan kepada saya sendiri dalam tahun 1980, di tukar keluar negeri dari Kelantan ke Kedah dan enam bulan kemudian saya menerima suatu surat daripada Pengarah Pelajaran mengatakan saya menjalankan suatu kegiatan anti Kerajaan. Ini saya ingin mendapat tahu sebagai contoh yang saya berikan tadi.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat itu bermaksud sama ada Kementerian ada mengambil tindakan atas alasan politik. Setakat ini yang saya tahu kita

tidak mengambil tindakan demikian. Apa yang dikaitkan oleh Jabatan itu barangkali menyebabkan kesalahan lain, seperti terlalu banyak berpolitik hingga melupakan tugas dan sebagainya (*Ketawa*).

**Tuan Daud bin Dato Haji Taha:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah di antara mereka yang diambil tindakan tata tertib terlibat dalam kecuiaan seperti tidak hadir ke sekolah ataupun melibatkan diri di dalam perniagaan? Kalau ada, berapa ramai terlibat dalam perniagaan?

**Dato Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang Dipertua, jika seseorang guru itu melibatkan diri dalam perniagaan dan ini mengganggu tugas-tugasnya untuk mengajar, perbuatan ini dianggap sebagai melanggar tata tertib Perkhidmatan Pelajaran, Saya tidak dapat memberikan ketika ini jumlah berapakah guru yang terlibat dalam hal berkenaan.

#### KECURIAN POS—BILANGAN

**10. Tuan Ng Cheng Kuai** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) bilangan kes pencurian pos biasa (ordinary mail) yang dilaporkan pada Ogos, 1982—Julai, 1983;
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk membentasi masalah ini; dan
- (c) sama ada terdapat satu Unit Khas di Ibu Pejabat Pos untuk mengawal pencurian seumpama ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Au How Cheong):** (a) Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan aduan yang diterima dari orang ramai besabit dengan tuduhan kecurian pos biasa dalam tempoh Ogos tahun 1982 hingga Julai 1983 adalah sebanyak 14 aduan.

Jumlah ini adalah kecil jika dibandingkan dengan jumlah benda-benda pos yang dikendalikan dalam tempoh bulan Ogos 1982 hingga bulan Julai 1983 iaitu 1,921,413,733.

(b) Jabatan Perkhidmatan Pos mengambil berat tentang keselamatan benda-benda pos. Langkah-langkah pengawasan sentiasa dilakukan di semua peringkat pengendalian pos, seperti pengisihan dan pengantaran, supaya keselamatan benda-benda pos adalah terjamin. Antara langkah-langkah pengawasan yang dilakukan ialah:

- (i) Pegawai-pegawai penyiasatan ditempatkan di tiap-tiap bahagian untuk memastikan bahawa peraturan-peraturan keselamatan diikuti dengan sempurna di tempat tersebut;
- (ii) Peraturan-peraturan mengenai pengendalian surat-surat berdaftar telah pun diketatkan supaya surat-surat tersebut dapat dikesan dengan mudahnya;
- (iii) Penghantaran wang tunai melalui pos adalah dilarang;
- (iv) Persiapan tambahan telah pun dibuat supaya orang ramai dapat menukar kiriman wang dan kiriman wang pos di Pejabat-pejabat Pos Bergerak juga.
- (c) Jabatan Perkhidmatan Pos mempunyai penyeliaan yang meluas bagi operasi-operasi mel, di samping itu juga peraturan-peraturan yang ada sekarang adalah didapati memuaskan untuk mengawasi jika berlakunya jenayah sama ada oleh kakitangan Jabatan atau orang ramai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Jabatan Perkhidmatan Pos ada mempunyai Cawangan Penyiasatan yang mengandungi 5 orang Ketua Penolong

Pengarah dan 15 orang Penolong Penguasa Pos yang ditempatkan di setiap negeri untuk mengawasi segala perbuatan jenayah terhadap Pejabat Pos, yang termasuk pencurian pos biasa. Dengan ini adalah dirasai prosedur yang ada sekarang adalah memadai dan tidak timbul soalan untuk mengadakan satu unit Khas di Ibu Pejabat Pos untuk mengawal pencurian pos biasa.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Kecurian yang berlaku dalam Pejabat Pos itu adakah dilakukan atau terdiri daripada Pejabat Pos ataupun adakah terdiri daripada orang-orang luar yang masuk curi dalam Pejabat Pos?

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang Dipertua, mengenai dengan 14 kes yang telah diterima itu kesemuanya melibatkan Posmen sahaja.

## IKAN LAUT—KELUARAN TAHUNAN

**11. Tuan Abdul Rahman bin Suliman** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapa banyakkah keluaran ikan laut negara kita bagi tahun 1981, 1982 dan 1983. Adakah jumlah ini mencukupi untuk bekalan kegunaan negara kita;
- (b) berapakah pula jumlah nelayan laut seluruh negara bagi tahun 1981, 1982 dan 1983;
- (c) oleh kerana hasil-hasil tangkapan laut selain dari kegunaan negara sendiri jika berlebihan langkah untuk mengeksportnya juga perlu, maka bolehkah Yang Berhormat memberitahu apakah program-program dan dayausahadayausaha yang telah dan akan diambil oleh Kementerian bagi

menambahkan sumber ikan laut dan siput-siput terutama di Laut Selat Melaka; dan

- (d) apakah langkah-langkah untuk memodenkan cara tangkapan ikan nelayan-nelayan negara sejajar dengan keperluan zaman ini.

**Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Tuan Yang Dipertua, keluaran ikan laut bagi seluruh Malaysia bagi tahun 1981, 1982 dan 1983 adalah seperti berikut:

1981—755,358 metrik tan

1982—666,471 metrik tan

1983—637,146 metrik tan

Permintaan ikan laut bagi tahun-tahun yang sama adalah seperti berikut:

1981—581,725 metrik tan

1982—536,636 metrik tan

1983—615,122 metrik tan

Dengan perangkaan di atas, adalah didapati bekalan ikan untuk kegunaan negara adalah mencukupi bagi ketiga-tiga tahun tersebut.

(b) Jumlah nelayan laut seluruh negara adalah seperti berikut:

1981—117,000 orang

1982—110,000    ,,

1983—107,000    ,,

Program-program utama yang telah dijalankan oleh Kementerian untuk menambahkan sumber ikan laut ialah:

- (1) Mengurangkan daya penangkapan ikan (fishing efforts) secara tidak menambahkan lesen baru di perairan 12 batu dari pantai;
- (2) Melarang perkakas komersil seperti pukot tunda di perairan ke bawah 5 batu dari pantai supaya melindungi kawasan pembiakan ikan;

(3) Membesarkan mata keroncong pukot tunda daripada 1" kepada 1½" untuk mengurangkan tangkapan anak-anak ikan dan udang yang boleh membesar;

(4) Membina tukun tiruan sebagai tempat ikan dan udang berlindung dan membiak; dan

(5) Mengharamkan segala perkakas yang didapati boleh memusnahkan sumber-sumber ikan seperti pukot sorong, pukot tunda 2 bot dan juga penggunaan-penggunaan barang-barang letupan untuk membunuh ikan.

(c) Langkah-langkah untuk memodenkan cara tangkapan ikan adalah seperti berikut:

(1) Memberi latihan kepada nelayan;

(2) mengubahsuaikan perkakas-perkakas tradisional supaya lebih berkesan dengan menggunakan bahan-bahan tiruan dan alat-alat yang boleh dikendalikan secara mekanikal; dan

Mengadakan galakan-galakan melalui kemudahan kredit bagi nelayan memiliki alat-alat moden.

**Tuan Daud bin Dato Haji Taha:** Tuan Yang Dipertua, boleh Yang Berhormat Menteri memberitahu mengikut angka-angka yang diberi oleh beliau tadi, jumlah hasil tangkapan ikan kita melebihi daripada permintaan negara tetapi mengapakah negara kita masih juga membawa masuk ikan daripada negeri Siam?

Yang kedua, mengapakah harga ikan seperti di Johor Bahru, walaupun negara kita mempunyai lebihan tangkapan ikan daripada yang dikehendaki, harga ikan di Johor Bahru adalah lebih mahal daripada harga ikan di Singapura?

**Dato' Abdul Manan bin Othman:** Memang betul, Tuan Yang Dipertua, kita ada mengimport ikan tetapi kita juga merupakan pengeksport ikan khususnya ke Singapura.

Ikan-ikan di Johor Bahru itu memanglah biasanya mahal sedikit daripada ikan-ikan di tempat-tempat lain di negara kita ini, tetapi saya tidak mahu membuat perbandingan dengan Singapura kerana ini adalah tergantung kepada bekalan dan permintaan di Singapura dari satu masa ke semasa tetapi harga di Johor Bahru itu adalah lebih mahal sedikit kerana kebanyakan ikan yang ditangkap di selatan Semenanjung Malaysia kita di eksport ke Singapura.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian tadi, perbandingan antara Singapura dengan Malaysia, tetapi saya rasa terdapat juga dalam negara kita di mana di pengkalan-pengkalan ikan lebih mahal harga ikan daripada bandar-bandar pusat di dalam negara kita. Mengapakah terjadi demikian?

**Dato' Abdul Manan bin Othman:** Tuan Yang Dipertua, ini disebabkan bahawa ikan-ikan yang ditangkap itu telah pun dibeli secara borong oleh pembeli-pembeli yang besar-besar untuk diedar ke pusat-pusat bandar.

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Memandangkan kepada pengeluaran ikan yang berlebihan di negara kita ini dan juga usaha-usaha untuk mengeksport keluaran laut daripada negara kita ke negara-negara lain, apakah peranan Kementerian ini dan rancangan-rancangannya yang dapat dijalankan untuk membantu nelayan-nelayan supaya dapat menjalankan usaha mengeksport keluaran laut itu ke negara-negara lain yang boleh menguntungkan nelayan-nelayan kita?

**Dato' Abdul Manan bin Othman:** Tuan Yang Dipertua, seperti saya terangkan tadi memang kita mengeksport ikan-ikan ke luar negeri dan Persatuan-persatuan Nelayan digalak mengambil bahagian.

**Datin Paduka Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi dalam jawapan Yang Berhormat Menteri itu menyatakan bahawa salah satu cara ialah mengurangkan daya penangkapan ikan dan salah satu sekatan ialah pukut tunda hanya boleh menjalankan suahanya 5 batu daripada pantai, tetapi sekarang ini sama ada disedari atau tidak oleh Yang Berhormat Menteri bahawa terdapat begitu besar bilangan pukut-pukut tunda haram yang tidak dilesenkan, walaupun demikian mereka telah menjalankan usaha pukut tunda haram itu selama kalau tak silap saya, sudah 7-8 tahun di kalangan mereka itu dan bagaimanakah kita dapat menyelesaikan masalah itu?

**Dato' Abdul Manan bin Othman:** Tuan Yang Dipertua, memang banyak nelayan-nelayan menangkap ikan secara haram dan ada di tempat-tempat yang difikirkan perlu kita telah pun melesenkan mereka dan di samping itu kita juga menguatkan lagi penguatkuasaan kita.

#### KEUNTUNGAN DARIPADA PELABURAN BUMIPUTERA

12. **Tuan Newman Gaban** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bagaimanakah Bumiputera mendapat keuntungan besar melalui permodalan yang dikendalikan oleh agensi-agensi Kerajaan seperti Sedco, Permodalan Bumiputera dan sebagainya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud):** Tuan Yang Dipertua, pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu agak kurang jelas.

Sekiranya Yang Berhormat itu bermaksud bahawa keuntungan besar yang diperolehi itu sebagai keuntungan daripada pelaburan yang dikendalikan oleh agensi Kerajaan seperti Sedco serta Permodalan Bumiputera, sukacita saya menjelaskan bahawa keuntungan seperti itu hanya diperolehi oleh bumiputera yang turut serta mengeluarkan modal di dalam syarikat-syarikat yang dikendalikan oleh agensi Kerajaan yang berkenaan.

Namun demikian, kaum Bumiputera adalah memperolehi faedah sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dari pelaburan yang dikendalikan oleh agensi-agensi Kerajaan itu melalui aktiviti-aktiviti ekonomi yang timbul dari pelaburan-pelaburan tersebut.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, pelaburan yang dibuat oleh agensi-agensi Kerajaan seperti SEDCO ke dalam berbagai syarikat adalah bagi melaksanakan fungsi sebagai 'Pemegang Amanah' bagi bumiputera. Syarikat-syarikat tersebut apabila telah maju dan memenuhi syarat-syarat ditetapkan akan dipindahmilik kepada bumiputera, terutamanya melalui pemindahan saham-saham syarikat-syarikat tersebut kepada PNB.

Setakat ini sebanyak 11 buah syarikat-syarikat yang telah mendapat untung yang mana salah satu daripadanya adalah syarikat milikan SEDCO, telah pun dipindahkan kepada PNB.

Suka juga saya memaklumkan bahawa melalui pelaburan yang dikendalikan oleh SEDCO, beberapa faedah telah dinikmati oleh bumiputera melalui kegiatan yang diwujudkan seperti pengedaran, kemudahan perniagaan dan sebagainya. Umpamanya, SEDCO melalui Syarikat Milik Perkasa telah membina sebanyak 411 unit rumah kedai di mana 73% atau 301 unit

daripada jumlah tersebut telah diperuntukkan kepada bumiputera. Syarikat milikan SEDCO itu iaitu perkara Realty juga telah memberi kemudahan pinjaman kewangan yang dikenakan syarat-syarat yang tidak membebankan, dengan izin, soft loan bumiputera membeli rumah kedai. Seramai 272 pengusaha bumiputera setakat ini telah memperolehi kemudahan pinjaman tersebut.

Juga SEDCO melalui syarikat miliknya telah memberi keutamaan dengan memperuntukkan kerja-kerja kontrak kepada kontraktor-kontraktor bumiputera bernilai sebanyak \$21.52 juta. Demikian juga seramai 17 orang pengusaha bumiputera telah dilantik sebagai agen pengedar untuk menjual barang-barang yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat yang disertai oleh SEDCO. Di samping itu melalui penglibatan SEDCO di dalam syarikat-syarikatnya sebanyak 3,792 peluang pekerjaan telah diwujudkan yang mana seramai 2,735 orang atau 72% adalah pekerja bumiputera.

Mengenai Permodalan Bumiputera, Tuan Yang Dipertua, saya anggap Ahli Yang Berhormat bermaksud Permodalan Nasional Berhad, yang sebenarnya tidak di bawah kelolaan Kementerian Perusahaan Awam.

Namun demikian sukalah saya menyatakan bahawa Permodalan Nasional Bhd (PNB) yang ditubuhkan pada bulan Mac 1978 itu adalah sebuah anak syarikat milik penuh Yayasan Pelaburan Bumiputera yang diberi tugas untuk mengkaji, menilai, memilih serta membeli saham-saham syarikat dari pasaran saham dan juga badan-badan tertentu. Selain daripada itu, PNB juga menerima pemindahan saham-saham syarikat hakmilik Kerajaan kepada bumiputera.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Bolehkah Setiausaha Parlimen

memberitahu di samping keuntungan tetapi mengenai kerugian pelaburan melalui agensi Kerajaan seperti Amanah Saham Nasional, PNB di Bank Bumiputera?

**Tuan Hussein bin Mahmud:** Tuan Yang Dipertua, itu agak jauh sedikit daripada soalan asal yang telah pun saya katakan bahawa PNB ini bukannya di bawah pengawasan Kementerian saya, maka untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dukacitalah saya tidak dapat memberi maklumat kepada beliau.

### MATAWANG MALAYSIA KE LUAR NEGERI

**13. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mencegah pengaliran matawang Malaysia ke luar negeri dan sama ada beliau sedar tentang dakwaan-dakwaan bahawa amalan "back-to-back letters of credit" oleh bank-bank perdagangan telah menjejaskan dengan seriusnya ekonomi kita; jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk membaiki keadaan tersebut.

**Dato' Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem kawalan pertukaran wang negara ini yang liberal dan tanpa diskriminasi itu adalah bertujuan untuk membenarkan pengaliran masuk dan keluar kumpulan-kumpulan wang dengan bebasnya. Polisi ini telah dijalankan untuk kebaikan negara. Juga, terutamanya dalam menggalakkan pengaliran masuk modal dari luar negeri. Kita harus memandang bukan sahaja pengaliran keluar kumpulan wang tetapi juga pengaliran masuk kumpulan-kumpulan wang dari luar negeri.

Selagi kedudukan bersih tidak menjejaskan kepentingan negara perkara ini tidak perlu dibimbangkan.

Mengenai back-to-back letters of credit, dengan izin, biasanya perkara ini digunakan dalam perdagangan yang dibuat melalui orang tengah yang berada di antara pembekal dan pembeli. Orang tengah biasanya terlibat apabila pembekal atau pengeksport tidak mempunyai kenalan atau hubungan untuk menemui pembeli muktamad secara langsung atau pembeli, pengimport tidak tahu sumber-sumber pembekalan.

Apabila seorang pengeksport Malaysia menjual barangannya di luar negeri melalui orang tengah asing, dia tidak menerima nilai penuh yang dibayar oleh pembeli muktamad. Manakala pengimport Malaysia pula akan membayar lebih dari harga yang diterima oleh pembekal. Dalam hal-hal yang demikian orang Malaysia akan rugi. Untuk mengelakkan keuntungan yang diperolehi oleh orang tengah Kerajaan menggalakkan pengeksport dan pengimport Malaysia untuk mengurus secara langsung dengan pembeli atau penjual muktamad.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Mengenai langkah-langkah yang diambil untuk mencegah pengaliran matawang Malaysia ke luar negeri, bolehkah Timbalan Menteri memberitahu ada benarkah bahawa di bawah Foreign Exchange Control Regulation, dengan izin, tidak ada apa-apa peruntukan untuk mengadakan kawalan ke atas pinjaman oleh anak-anak syarikat bank atau kewangan Malaysia di luar negeri. Adakah ini merupakan salah satu sebab berlakunya skandal BMF di Hong Kong?

**Dato' Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang Dipertua, itu soalan lain.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Ling Sie Ming. Tidak Hadir.

(Soalan No. 14 Yang Berhormat Tuan Ling Sie Ming tidak hadir).

### HOSPITAL BESAR PULAU PINANG—LANGKAH JIMAT-CERMAT

**15. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan kepada langkah jimat-cermat (austerity drive) yang disebabkan oleh kemelesetan ekonomi, apakah langkah-langkah dan tindakan Kerajaan telah mengambil untuk mengurangkan perbelanjaan di Hospital Besar dan hospital-hospital daerah Pulau Pinang dan sama ada ini telah menjejaskan perkhidmatan perubatan di Negeri tersebut.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa langkah-langkah yang diambil untuk jimat-cermat bagi negeri Pulau Pinang tidak mengurangkan mutu perkhidmatan perubatan yang dijalankan di Hospital Pulau Pinang ataupun di negeri itu.

Langkah-langkah jimat-cermat yang telah diambil adalah lebih ditumpukan kepada kemudahan-kemudahan awam seperti elektrik, tuntutn perjalanan, mengurangkan penggunaan telefon, mengawal perbelanjaan penyelenggaraan seperti mengecat dan sebagainya.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Saya ingin tanya Timbalan Menteri, ada benarkah bahawa salah satu langkah jimat-cermat di Hospital Besar Pulau Pinang adalah bahawa kakitangan-kakitangan Pergigian dikehendaki menanggalkan surgical masks. Jika ya, bukankah ini merupakan satu langkah yang kurang sihat dan melanggar amalan-amalan kesihatan pergigian yang asas.

**Dato' K. Pathmanaban:** Saya tidak faham soalan itu.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Bahawa salah satu langkah jimat-cermat di Hospital Pulau Pinang adalah bahawa kakitangan-kakitangan pergigian dikehendaki menanggalkan surgical masks. Jika ya, bukankah ini merupakan satu langkah yang kurang sihat dan melanggar amalan-amalan kesihatan pergigian yang asas.

**Dato' K Pathmanaban:** Ganjil, Tuan Yang Dipertua, soalan itu. Menanggalkan, meninggalkan, saya rasa perkara itu, fasal itu saya tidak faham. Saya rasa perkara itu tidak timbul. Kerajaan tidak gila begitu (*Ketawa*).

### NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN

**16. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai oleh Kerajaan dalam usaha menerapkan nilai-nilai Islam dalam pemerintahan negara dan adakah Kerajaan bercadang hendak mengadakan suatu kempen penerangan terutama di kalangan rakyat yang bukan Islam mengenai penerapan nilai-nilai Islam ini supaya tidak timbul kecemasan dan kesalah fahaman mereka.

**Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Tuan Awang bin Jabar):** Tuan Yang Dipertua, adalah terlalu awal untuk menilai kejayaan tentang langkah Kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran. Ini kerana nilai-nilai Islam yang ditekankan itu ada yang berbentuk perubahan sikap dan sistem nilai. Secara umumnya Kerajaan cuba menanamkan nilai-nilai positif yang bersifat universal seperti didikasi, cekap, kesungguhan bekerja, disiplin, keadilan, hormat-menghormati, amanah dan sebagainya untuk menjadikan pegawai-pegawai Kerajaan lebih berminat dalam tugas-tugas mereka bagi meningkatkan mutu

dan daya pengeluaran. Sehubungan dengan ini Kerajaan telah melancarkan kempen Kepimpinan Melalui Tauladan dan INTAN juga memasukkan module latihan kerohanian kepada pegawai kedet PTD yang baharu. Selain dari itu, projek-projek yang besar seperti Universiti Islam Antarabangsa dan Bank Islam masih terlalu awal untuk dinilai tetapi saya menyatakan bahawa di peringkat awal ini sambutan dari orang ramai sangat menggalakkan.

Pada masa ini, Tuan Yang Dipertua, pihak Kerajaan belum lagi bercadang untuk mengadakan kempen penerangan kepada rakyat yang bukan Islam kerana langkah-langkah Kerajaan ini banyak menumpukan kepada perubahan sikap serta nilai dan bukanlah menyentuh kepercayaan-kepercayaan penganut agama-agama lain.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah pihak Kerajaan sedar bahawa dengan pengisytiharan Kerajaan hendak menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara ini telah menimbulkan banyak kekeliruan dan kebimbangan daripada kalangan orang-orang yang bukan Islam terhadap kesan daripada penerapan itu. Ini kalau kita halusi daripada soalan-soalan yang dikemukakan oleh setengah-setengah pihak Yang Berhormat dalam Dewan ini ternyata jelas rasa kebimbangan ini.

**Tuan Awang bin Jabar:** Tuan Yang Dipertua, Kerajaan sedar akan hal ini. Oleh yang demikian, semasa merasmikan Persidangan Agong MCA baharu-baharu ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menegaskan bahawa dasar penerapan nilai-nilai Islam ini tidak boleh menjejaskan orang-orang bukan

Islam, dan saya di Dewan ini berkali-kali telah memberi tahu kepada pemimpin-pemimpin parti yang bukan Islam di dalam Dewan ini tentang penerapan nilai-nilai Islam ini tidak akan menjejaskan orang-orang bukan Islam.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Chan Kok Kit.

*(Soalan No. 17 Y. B. Tuan Chan Kok Kit tidak hadir)*

### PERMIT LORI/TEKSI KEPADA BUMIPUTERA/ BUKAN BUMIPUTERA

**18. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan berapa jumlah permit-permit lori dan teksi yang dikeluarkan kepada Bumiputera dan bukan Bumiputera dan berapa banyak permit-permit yang diberikan kepada Bumiputera yang telah dikenalpasti telah dialibabakan.

**Setiasuaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud):** Tuan Yang Dipertua, Kementerian Perusahaan Awam telah mengeluarkan sebanyak 17,455 lesen lori kepada Bumiputera dan 59,425 kepada bukan Bumiputera. Pembahagian mengikut jenis permit adalah seperti berikut:

	<i>Bumiputera</i>	<i>Bukan Bumiputera</i>
Lori A	10,986	2,598
Lori C	6,469	56,857

Permit teksi yang dikeluarkan kepada Bumiputera adalah sebanyak 16,014 sementara kepada bukan Bumiputera adalah sebanyak 6,602.

Kementerian Perusahaan Awam menghadapi beberapa masalah untuk mengenalpasti permit-permit lori dan teksi yang diberikan kepada Bumiputera yang telah dialibabakan.

Ini adalah kerana kesulitan pihak Kementerian untuk mendapat maklumat-maklumat beserta dengan bukti yang sah mengenai aktiviti mengalibabakan permit tersebut. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian sentiasa berusaha untuk menjalankan penyelidikan terhadap mereka yang cuba menyalahgunakan permit yang diberikan.

Kes-kes memajak permit kepada pihak lain memerlukan penyelidikan yang teliti dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan, agensi-agensi Kerajaan yang lain, orang awam dan sebagainya. Penyelidikan-penyelidikan ini telah mula menunjukkan kesan. Belum ada permit teksi Bumiputera yang dibatalkan sehingga kini kerana kesalahan memajak permit tersebut, tetapi bagi permit lori "A" pihak Kementerian ini telah membatalkan sebanyak 9 permit pada tahun 1982 kerana kesalahan tersebut. Dari Januari 1983 hingga 15hb September 1983, sebanyak 32 permit telah dibatalkan atas sebab-sebab yang sama.

**Tuan Yang Dipertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 2, 3, 5, 14, 17, 19 dan 20 adalah diberi di bawah ini).*

**PERSIDANGAN PENGANGKUTAN  
LAUT TIMUR JAUH  
(FEFC)—KADAR TAMBANG**

**1. Datuk Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) adakah benar Persidangan Pengangkutan Laut Timur Jauh (F.E.F.C) akan menaikkan kadar tambang perkapalan mereka sebanyak 12.5% mulai 1hb Januari, 1984 akan datang.

Jika ya, ini sudah pasti akan memberi akibat buruk kepada negara-negara pengeksport tetapi juga kepada negara-negara pengimport dan seterusnya akan menjejaskan pemulihan ekonomi negara di rantau ini.

- (b) memandangkan masalah ini akan melibatkan seluruh negara-negara ASEAN, apakah langkah-langkah positif yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatur langkah bersama di kalangan negara-negara ASEAN bagi mengatasi keadaan yang mencabar itu.
- (c) adakah Kerajaan mempunyai strategi jangka panjang bagi merancang sebuah Syarikat pengangkutan bersama di kalangan negara-negara ASEAN bagi menampung keperluan pengangkutan yang kian bertambah di masa hadapan; dan
- (d) adakah perlu difikirkan agar suatu perjanjian kadar tambang pengangkutan di peringkat antarabangsa paut diadakan bagi menjamin kepentingan negara-negara membangun tidak terjejas dan mendapat keadilan yang sewajarnya.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj bin Tengku Ismail):**

Bahagian (a) & (b) bagi soalan berkenaan telah pun dijawab di dalam Dewan yang mulia ini semasa saya menjawab soalan dari Yang Berhormat Tuan Yew Foo Weng, Ahli dari Menglembu pada 17-10-83 yang lalu. Saya tidak mempunyai apa-apa tambahan kepada jawapan berkenaan.

Bagi soalan bahagian (c) sukacita saya menyatakan bahawa Kerajaan

memang mempunyai strategi jangka panjang untuk memperbaiki sistem pengangkutan bagi menampung keperluan pengangkutan yang kian bertambah, kesan dari bertambahnya aliran perdagangan di masa hadapan. Walau bagaimanapun, pada masa ini Kerajaan belum lagi mempunyai rancangan tertentu untuk menubuhkan sebuah syarikat pengangkutan bersama di kalangan negara-negara ASEAN. Perlu saya tegaskan di sini bahawa negara-negara ASEAN melalui Jawatankuasa ASEAN mengenai Pengangkutan dan Perhubungan (COTAC) telah pun bersetuju untuk mengadakan satu kajian kemungkinan untuk menentukan viability satu sistem perkhidmatan Liner di kalangan negara-negara ASEAN. Kajian tersebut akan dijalankan sebaik sahaja peruntukan kewangan diperolehi. Sekiranya kajian tersebut mempunyai cadangan-cadangan yang positif, negara-negara ASEAN akan mengambil tindakan yang wajar ke atasnya.

Berhubung dengan soalan (d) suka dimaklumkan kepada ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Bangsa-bangsa Bersatu di bawah Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD) telah pun menderafkan satu konvensyen yang dikenali sebagai Kod Tatatertib Bangsa-bangsa Bersatu bagi Perkumpulan Perkapalan (UN—Convention on A Code of Conduct for Liner Conferences). Konvensyen ini telah ditandatangani pada tahun 1974 dan telah berkuatkuasa pada 6hb Oktober, 1983 yang lalu. Malaysia telah menjadi ahli konvensyen ini pada 27hb Ogos, 1982. Konvensyen ini antara lain telah menggaris dan memperuntukkan beberapa peraturan dan mekanisma yang mesti ujud di dalam hubungan pengguna-pengguna kapal dan pemilik-pemilik kapal, terutamanya mengenai perundingan kadar tambang. Tegasnya Konvensyen

ini telah menetapkan bahawa kedua-dua belah pihak (Pengguna-pengguna dan pemilik-pemilik kapal) mendapat layanan dan faedah yang saksama.

## HAWKERS PROBLEMS

2. **Dr George Chan Hong Nam** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada:

- (a) satu kajian keseluruhannya tentang masalah penjaja-penjaja atau "Hawkers problems" di negara kita pernah dibuat, jika ya, apakah syor-syor yang telah dibuat tentang cara-cara bagaimana masalah tersebut dapat diselesaikan dengan lebih berkesan; dan
- (b) peruntukan-peruntukan bagi membina pusat-pusat penjaja-penjaja atau "Hawkers centres" di negara kita telah dibuat, jika ya, nyatakan tempat-tempatnya dan jika tempat-tempatnya tidak termasuk Negeri Sarawak, mengapa.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):**

- (a) Kajian keseluruhan tentang masalah penjaja-penjaja atau "Hawkers problems" di negara kita belum pernah dibuat. Walau bagaimanapun, satu kajian sosio-ekonomi penjaja di Kuala Lumpur bertajuk "A socio-Economic Study of Hawkens in Kuala Lumpur" ada dibuat oleh Yunit Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Perancangan Am (SERU), Jabatan Perdana Menteri dalam tahun 1979. Hasil daripada kajian ini, beberapa syor telah dibuat bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh

penjaja-penjaja di Kuala Lumpur iaitu:

- (i) Memberi maklumat dan khidmat nasihat mengenai pinjaman yang disediakan bagi membantu penjaja-penjaja; dan
- (ii) Dalam penempatan semula penjaja-penjaja dan pemilihan tapak baru kriteria berikut hendaklah dipertimbangkan:
  - (a) pemilihan tempat/tapak yang menjadi tumpuan orang ramai seperti dihentian bas dan teksi, kawasan membeli belah yang popular dan tempat-tempat hiburan.
  - (b) menyediakan keperluan-keperluan asas seperti paip air dan elektrik;
  - (c) mengenakan kadar sewa yang rendah yang mana akan juga menyebabkan "cost everhead" dikadar minima.
- (b) Buat masa ini, konsep pusat penjaja (hawkers centres) tidak ada dilaksanakan di negara ini. Walau bagaimanapun, peruntukan diberikan untuk membina gerai-gerai berkelompok seperti di Medan-medan Selera dan di merata-rata tepat strategik di seluruh negara yang mengandungi beberapa buah gerai di tiap-tiap satu tempat.

Peruntukan bagi menyediakan kemudahan dan bantuan kepada peniaga-peniaga kecil di bawah Unit Penyelarasan, Jabatan Perdana Menteri di salurkan kepada semua Pejabat Kemajuan Negeri termasuk Negeri Sabah dan Sarawak bagi membina gerai-gerai secara berkelompok di tempat-tempat tertentu.

Gerai-gerai juga ada dibina oleh agensi-agensi lain seperti MARA, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan Majlis-majlis tempatan.

### **HARTA MENTERI/TIMBALAN/ SETIAUSAHA PARLIMEN/ SETIAUSAHA POLITIK**

**3. Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan daripada pengisytiharan aset yang Menteri-menteri, Timbalan Menteri-menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen terpaksa membuat kepada beliau selepas pilihanraya umum April, 1982 apakah aset dan pendapatan yang tertinggi sekali yang diisytiharkan; dan apakah aset dan pendapatan yang terendah sekali yang diisytiharkan; dan sama ada terdapat keperluan tahunan untuk meng'up-datekan aset-aset seumpama itu itu untuk Menteri-menteri, Timbalan Menteri-menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen supaya dapat memberi satu contoh yang baik dalam memerangi rasuah.

#### **Perdana Menteri:**

Pengisytiharan harta oleh YB Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik itu adalah untuk pengetahuan Perdana Menteri sahaja. Saya kira tidaklah wajar saya isytiharkan pula untuk makluman ramai.

Berkenaan keperluan meng'update'kan aset-aset, saya telah menyatakan dalam pekeliling saya kepada YB Menteri-menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik supaya membuat pengisytiharan pada tarikh perlantikan mereka atau kenaikan pangkat dan seterusnya membuat pengisytiharan semula tiap-tiap 2 tahun sekali pada ulangtahun perlantikan atau kenaikan pangkat.

## WARGANEGARA MALAYSIA DARI ISTERI ASING

**5. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan permohonan taraf kewarganegaraan yang diterima daripada isteri-isteri asing warganegara Malaysia pada akhir September, 1983, bilangan yang telah diberikan taraf pemastautinan tetap, bilangan yang telah ditolak dan bilangan yang masih diproses.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Kedudukan permohonan kewarganegaraan Malaysia daripada isteri-isteri asing warganegara Malaysia yang diterima dari 1hb Januari 1983 sehingga akhir September, 1983 adalah seperti berikut:

(a) Bilangan permohonan yang diterima	756
(b) Bilangan yang ditolak	tiada
(c) Bilangan yang masih diproses	739
(d) Bilangan yang dilulus	17

Mengenai permohonan taraf Penduduk Tetap oleh isteri-isteri asing kepada warganegara pula ianya adalah seperti berikut:

(a) Bilangan permohonan yang diterima	332
(b) Bilangan yang ditolak	69
(c) Bilangan yang masih diproses	239
(d) Bilangan yang diberi taraf Penduduk Tetap	24

## DASAR ISLAMISASI

**14. Tuan Ling Sie Ming** minta Perdana Menteri menyatakan apa sebabnya Kerajaan menjalankan dasar islamisasi dan mengislamkan segala perbadanan awam misalnya, Bank Islam, Universiti

Islam, Pentadbiran secara Islam, Insuran Islam dan lain-lain. Sama ada Kerajaan sedar penumpuan yang terlampau terhadap islamisasi akan membangkitkan perasaan sensitif dari orang-orang bukan Islam.

(24-11-83)

**5. Tuan Gooi Hock Seng** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar proses Islamisasi yang dijalankan oleh Kerajaan sekarang telah mengwujudkan kegelisahan di kalangan orang-orang bukan Melayu di negara ini dan sama ada Kerajaan akan mengkaji semula seluruh proses Islamisasi yang sedang dilakukan itu.

### Perdana Menteri:

Oleh kerana pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibul ini adalah hampir sama dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera pada 24hb November, 1983, maka saya memohon izin dari Tuan Yang Dipertua untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan tersebut dengan serentak.

Anggapan mengatakan bahawa Kerajaan sedang dalam proses mengislamisasikan negara ini adalah tidak tepat. Apa yang Kerajaan cuba tekankan hanyalah menerapkan nilai-nilai Islam yang boleh dijadikan panduan atau contoh dalam meningkatkan mutu kerja dan pentadbiran supaya rancangan-rancangan Kerajaan dapat berjalan dengan berkesan dan selaras dengan prinsip bersih, cekap dan amanah.

Usaha-usaha Kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam tidak bercanggah dengan Perlembagaan Malaysia kerana telah jelas tercatat bahawa agama Islam ialah agama rasmi negara ini. Saya percaya apa yang kerajaan usahakan ini tidak menyentuh apa-apa kepentingan dan kepercayaan agama-agama lain kerana Islam mengutamakan kesederhanaan dan keadilan dalam sebarang tindakan.

Oleh itu mengenai soal kebebasan orang-orang bukan Islam mengamalkan kepercayaan dan agama masing-masing, mereka tidak harus merasa risau atau gelisah kerana Perlembagaan Malaysia telah memberi jaminan dalam soal ini. Malah dalam Islam sendiri tidak ada paksaan dalam kepercayaan dan semua manusia boleh memilih apa agama atau kepercayaan yang mereka sukai.

Mengenai pembukaan Bank Islam dan Universiti Islam Antarabangsa di mana kedua-dua institusi itu terbuka kepada orang-orang bukan Islam. Dengan ini bererti penubuhan Universiti Islam dan Bank Islam tidak mengeneipkan kebajikan dan peluang-peluang kepada orang-orang bukan Islam.

Berkenaan penerapan nilai Islam dalam pentadbiran Kerajaan, saya suka menjelaskan bahawa hanya nilai-nilai universal sahaja yang ditekankan seperti aspek keadilan, hormat menghormati, kesungguhan bekerja, bersih, amanah, cekap, toleransi, dedikasi dan lain-lain nilai utama yang tidak bercanggah dengan keadaan dan alam persekitaran hidup masyarakat majmuk di Malaysia.

Sekiranya hal ini disedari oleh semua peringkat masyarakat Malaysia, sama ada dari orang-orang Islam dan bukan Islam, maka perasaan sensitif tidak harus timbul dari mana-mana peringkat dan golongan.

#### **PEKERJA ASING—KAWALAN**

**17. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Buruh menyatakan sama ada kajian untuk memperkenalkan peraturan-peraturan untuk mengawal kemasukan pekerja-pekerja asing ke negara ini telah selesai, jika ya, nyatakan ciri-ciri utama kajian tersebut.

#### **Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:**

Peraturan-peraturan mengenai kemasukan pekerja-pekerja asing ke negara ini masih lagi dalam kajian. Perkara ini akan diumumkan apabila ianya diselesaikan nanti.

#### **TURNKEY SISTEM MENJEJASKAN KONTRAKTOR BUMIPUTERA**

**19. Wan Zainab binti M. A. Bakar** minta Menteri Kerjaraya memberikan penjelasan setakat manakah kejayaan sistem turnkey yang telah diperkenalkan oleh Kementerian berkenaan. Tidakkah sistem ini menjejaskan kedudukan kontraktor bumiputera kecil dan sederhana.

#### **Menteri Kerjaraya (Dato' Samy Vellu):**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat ada dua sahaja projek yang telah dan hampir siap di bawah sistem turnkey yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan di bawah pengawasan JKR, iaitu Projek Pelabuhan Kuantan dan Projek Terminal 11 Lapangan Terbang Antarabangsa, Subang. Selain dari itu satu lagi projek, iaitu pembinaan Hospital Besar Kuala Terengganu adalah diusahakan mengikut sistem turnkey juga. Di bawah sistem turnkey ini, projek-projek berkenaan dapat disiapkan lebih awal dari yang dijangkakan jika ianya dilaksanakan dengan cara kontrak biasa. Jika sekiranya kontraktor berkenaan adalah kontraktor luar negeri, maka ianya dikehendaki memberikan sekurang-kurangnya 30% dari nilai kerja kepada kontraktor tempatan sebagai sub-kontraktor. Di samping itu kontraktor yang berkenaan juga dikehendaki seberapa yang boleh menggunakan bahan-bahan tempatan dan pekerja-pekerja tempatan serta melatih kakitangan-kakitangan tempatan dalam Lapangan teknikal kerja-kerja tersebut.

Sistem ini tidak menjejaskan kedudukan kontraktor Bumiputera kecil dan sederhana. Ini adalah disebabkan projek-projek yang dilaksanakan dengan cara turnkey adalah terdiri dari projek-projek raksaksa yang bernilai berjuta-juta ringgit dan dihadkan kepada pemborong-pemborong Kelas "A" ke atas. Lazimnya projek-projek yang diselenggarakan dengan secara "Turnkey" adalah bernilai lebih dari \$10.0 juta. Projek-projek seumpama ini dibuka juga kepada kontraktor-kontraktor luar dan dalam negeri. Sistem ini juga tidak akan menjejaskan kedudukan kontraktor Bumiputera kecil dan sederhana oleh sebab beberapa syarat ketat dan pengawasan rapi dikenakan ke atas kontraktor yang berkenaan. Antara syarat-syarat yang dimaksudkan adalah 30% dari nilai kerja projek tersebut hendaklah diberikan kepada pengusahawan-pengusahawan Bumiputera sama ada berupa juru perunding, kerja-kerja kontrak, pembekal-pembekal bahan dan juga urusan pengangkutan yang berkaitan dengan projek itu. Di samping itu kontraktor-kontraktor yang diberikan projek itu adalah dikehendaki melaksanakan projek-projeknya dengan cara usaha sama dengan kontraktor tempatan, seperti kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berkebolehan dan berkemampuan.

### **KURIKULUM BARU SEKOLAH RENDAH (KBSR)— RANCANGAN**

**20. Tuan Mokhtaram bin Rabidin** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah rancangan KBSR yang telah dilaksanakan setakat ini telah mencapai kemajuan sebagaimana yang dirancangan dan diharapkan. Dan adakah rancangan KBSR itu menghadapi apa-apa kekurangan dan kesulitan. Sekiranya ada, sudahkah

dicari jalan dan diikhtiarkan cara mengatasinya.

#### **Dato' Mohamed Khalil Yaakob:**

Adalah terlalu awal menyatakan hasil kemajuan rancangan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) kerana rancangan ini adalah rancangan untuk keseluruhan pendidikan rendah bagi tempoh enam (6) tahun. Bagaimanapun setakat ini Kementerian Pelajaran telah dapat mengesan beberapa kemajuan yang menggalakkan. Dari segi murid jelas sekali kelihatan bahawa murid-murid yang dididik dengan cara Kurikulum Baru Sekolah Rendah ini lebih berminat untuk belajar dan lebih aktif mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran. Dari segi guru pula, dengan orientasi yang telah diberikan kepada mereka, guru-guru telah dapat menjalankan pengajaran yang lebih baik dan berkesan jika dibandingkan dengan amalan lama. Kementerian Pelajaran juga telah dapat mengesan wujudnya satu suasana baru dalam aspek kerjasama antara sesama guru dan antara sekolah dengan ibubapa. Sumbangan kalangan swasta dalam penerbitan bahan-bahan sokongan yang sesuai untuk kegunaan guru dan murid Kurikulum Baru Sekolah Rendah sudah semakin banyak dalam pasaran pada masa ini. Semuanya ini adalah kemajuan-kemajuan yang telah dapat dilihat setakat ini hasil daripada pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah.

Kesulitan yang ada boleh dikatakan berpunca dari beberapa faktor. Setengah-setengah sekolah terutamanya di bandar-bandar menghadapi masalah saiz kelas yang besar sejak Kurikulum Baru Sekolah Rendah belum dilaksanakan lagi.

Walau bagaimanapun Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk meringankan masalah yang

timbul. Bagi meringankan beban guru-guru menyediakan bahan-bahan, Kementerian Pelajaran telah membekalkan bahan-bahan tambahan untuk kegunaan mereka. Dari segi pembangunan pula, Kerajaan telah dapat melancarkan pembinaan 754 buah bilik darjah pada tahun 1983 ini untuk menampung keperluan tambahan bilik darjah di sekolah-sekolah rendah bagi tahun 1984.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga peruntukan untuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Pertahanan telah diluluskan di dalam Jawatankuasa seluruh Dewan.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga peruntukan untuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Pertahanan telah diluluskan di dalam Jawatankuasa seluruh Dewan.

## RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1984

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1984

*Jawatankuasa*

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1984 dan Anggaran Pembangunan, 1984 dalam Jawatankuasa sesebuah-buah Majlis". (Hari Kelapan).

*Majlis bersidang dalam  
Jawatankuasa*

(Tuan Yang Dipertua *mem-  
pergunakan Jawatankuasa*)

*Maksud B. 23, B. 24, B. 25 dan  
B. 26 (Jadual).*

*Maksud P. 23, P. 24, P. 25 dan P. 26  
(Anggaran Pembangunan, 1984).*

**Tuan Pengerusi:** Maksud Bekalan B. 23, B. 24, B. 25 dan B. 26 dan Maksud Pembangunan P. 23, P. 24, P. 25 dan P. 26 terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok.

*4.08 ptg.*

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datok):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk memberi sokongan bagi Maksud Bekalan 23, Butiran 1100. Muka surat 229, Program 1 (a) dan juga (c).

Pertamanya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan di mana semenjak beliau menjalankan tugas sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mentadbir dan membuat rancangan-rancangan yang

begitu baik sekali untuk kepentingan kebudayaan dan belia keseluruhannya bagi negara ini. Oleh kerana golongan belia merupakan warganegara yang kita sedia maklum iaitu seramai 60% daripada penduduk-penduduk ataupun warganegara kita ini adalah tergolong dari kaum belia, maka Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah memainkan peranan yang begitu penting sekali terutama sekali untuk memupuk semangat para belia yang terdiri daripada berbilang kaum dan berbilang agama itu supaya benar-benar mengenalpasti dan menumpukan taat setia kepada negara ini melalui kebudayaan. Berkali-kali di dalam Dewan ini Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan semasa soal jawab telah menekankan tentang Dasar Kebudayaan Nasional negara kita.

Di sini saya ingin menekankan atau saya ingin meminta kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan supaya lebih serius lagi menekankan kebudayaan nasional ini dengan berpandukan kepada penerapan nilai-nilai Islam di mana dengan cara yang seumpama ini sahajalah belia-belia kita dapat kita semaikan semangat yang sungguh-sungguh cinta kepada kebudayaan nasional ataupun kebudayaan negara kita. Kerana melalui cinta kepada kebudayaanlah baru mereka itu akan mempunyai semangat yang begitu tinggi terhadap cinta kepada negara yang merdeka dan berdaulat ini.

Ini saya majukan ialah kerana mendengar jawapan-jawapan daripada Yang Berhormat Menteri itu, adanya golongan-golongan yang masih lagi mempersoalkan tentang kewibawaan atau tentang dasar kebudayaan nasional negara kita. Golongan-golongan yang seumpama ini yang menentang kebudayaan negara kita memang sengaja tidak mahu mengakui atau tidak mahu menyetujui

kebudayaan nasional yang telah disarankan oleh pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Apatah lagi saya sangat-sangat berharap di bawah projek orientasi kepada keseluruhan belia-belia di dalam negara ini supaya lebih menitikberatkan soal ketinggian keperibadian dengan tujuan supaya dapat diresapkan semangat kepada belia-belia kita dengan semangat mempunyai budi pekerti dan berhemah tinggi. Oleh kerana terdapat ada di antaranya daripada belia-belia kita ini sudah begitu agak ketara keruntuhan moral dan akhlaknya, terutama sekali di dalam menghadapi serangan anasir-anasir seperti dadah dan ada di antaranya mereka itu tidak mempunyai perangai yang begitu baik, tidak menghormati orang tua-tua dan sebagainya. Semuanya ini adalah menjadi tugas kepada Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan untuk mengadakan satu orientasi ataupun latihan yang begitu efektif kepada keseluruhan belia yang telah diberi latihan sama ada melalui pusat-pusat latihan belia, kursus-kursus, seminar-seminar dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu menyentuh perkara "C", berkenaan dengan pentadbiran negeri-negeri termasuk daerah-daerah, saya suka mencadangkan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada masa ini hanya seorang sahaja yang ditugaskan sebagai Pegawai Belia dan Sukan Daerah. Ini menjadi masalah oleh kerana apabila Pegawai Belia Daerah itu meninggalkan pejabatnya maka tidak ada pegawai lain yang bertanggungjawab untuk mentadbirkan Pejabat Kebudayaan Belia dan Sukan apatah lagi semasa ketiadaan Pegawai Belia dan Sukan itu ditandatangani oleh pemimpin-pemimpin belia dan sebagainya maka kerja-kerja untuk menyelesaikan masalah belia dan sebagainya itu tidak dapat dilaksanakan. Saya berharap kiranya boleh dapat ditambah seorang

Penolong Pegawai Belia Daerah di tiap-tiap tempat di dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya tidak akan mengambil masa yang panjang untuk menyokong perbahasan untuk Kementerian ini, cuma saya ingin hendak menyebut satu dua perkara lagi di dalam Maksud Pembangunan 23, mukasurat 252, Butiran 11, 12 dan 13.

Mengenai projek Belia Peladang, saya sangat-sangat berharap oleh sebab projek-projek belia peladang ini dilaksanakan ataupun diberikan keutamaan kepada belia-belia yang tinggal di luar-luar bandar kerana tanah-tanah masih ada untuk diusahakan oleh belia-belia di dalam rancangan projek Belia Peladang. Saya berharap rancangan ini dapat diperhebatkan ataupun diperkuatkan supaya para belia yang menceburkan diri dalam projek Belia Peladang ini benar-benar dapat melahirkan belia-belia peladang yang menjalankan perladangan mereka itu secara moden dan juga dapat menghasilkan projek-projek belia perladangan itu sama ada membantu diri mereka itu sendiri ataupun keluarga belia di dalam kampung masing-masing.

Selain daripada itu, mengenai Koperasi Belia Nasional ataupun KOBENA, akhir-akhir ini kita agak kurang mendengar ataupun mengikuti perkembangan kemajuan Koperasi Belia Nasional ini. Saya berharap supaya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengambil berat akan perjalanan Koperasi Belia ini. Oleh kerana para belia berharap dengan adanya Koperasi Nasional yang menyeluruh ke seluruh negara, kita berharap KOBENA dapat benar-benar memainkan peranan kepada ekonomi ataupun usaha-usaha untuk memajukan para belia di dalam negara kita ini dengan cara koperasi.

Selain daripada itu yang akhirnya saya ingin bercakap mengenai

Rancangan Belia Berniaga. Saya mendapati bahawa rancangan ini adalah sangat-sangat baik kerana melatih para belia mengambil bahagian di dalam perniagaan yang dapat dipandu oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dari segi bantuan kewangan dan sebagainya tetapi ada terdapat masalah-masalah yang perlu diatasi dengan segera. Umpamanya, dari segi penambahan modal kepada para belia yang sudah dilatih oleh Kementerian ini dalam bidang perniagaan dapatlah dibantu lagi supaya mereka itu benar-benar akan berjaya di dalam lapangan perniagaan dengan tujuan kewujudan mereka itu ataupun dengan semangat mereka yang ingin berniaga dapat dibantu dengan begitu baik sekali. Saya rasa dengan cara yang seumpama itu sedikit sebanyak akan menambah kepada matlamat untuk mencapainya dalam rancangan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan kita, iaitu bagi memberi peluang kepada belia-belia bumiputera untuk megambil bahagian di dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Tanjung.

*4.17 ptg.*

**Dr Koh Tsu Koon (Tanjung):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud Bekalan 23 untuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan khasnya saya merujuk kepada Butiran 1100, Program 2 mengenai Kebudayaan.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi ulasan mengenai kebudayaan di negara kita dan selanjutnya mengemukakan beberapa cadangan kepada Kementerian. Saya berpendapat bahawa dalam bidang kebudayaan, kita di Malaysia haruslah merasa bangga dan juga bersyukur kerana negara kita khasnya dan Nusantara amnya telah dikurniakan

dengan beberapa tamadun dan agama yang besar dan kaya. Sejak lebih daripada 1,000 tahun dahulu kebudayaan peribumi telah dipengaruhi oleh kebudayaan Hindu dan Buddhist selanjutnya ianya diperkayakan oleh tamadun Islam yang sehingga hari ini menjadi teras kepada kebudayaan Melayu. Sejak dari awal dan terutamanya pada zaman kesultanan Melaka, kegiatan-kegiatan perniagaan membawa masuk pengaruh kebudayaan Cina dan Arab, diikuti oleh pengaruh Barat yang dibawa oleh para peniaga dan penjajah.

Tuan Pengerusi, sejarah kita menunjukkan bahawa kebudayaan-kebudayaan yang terdapat di dalam negara kita ini telah wujud bersama-sama secara aman iaitu dengan izin, "they have existed and co-existed peacefully" sejak beberapa abad dan terutamanya dalam abad ke 19 dan ke 20. Sejarah kita juga menunjukkan bahawa satu proses saling bergaul dan interaksi telah berlangsung di antara kebudayaan-kebudayaan dalam satu persekitaran yang semula jadi.

Tuan Pengerusi, sungguhpun Perlembagaan negara kita tidak menetapkan sesuatu mengenai hal kebudayaan secara langsung, akan tetapi ianya mengambil kira sejarah sosial politik yang lalu serta keadaan sosial yang wujud sekarang. Hakikat bahawa terdapatnya satu persambungan sejarah, dengan izin, "historical continuity" yang tertentu terutamanya sejak zaman Kesultanan Melaka diakui dan dijamin dalam Perlembagaan dengan adanya peruntukan mengenai kedudukan khas Raja-raja Melayu, kedudukan khas orang Melayu dan peribumi Sabah dan Sarawak, Islam sebagai agama rasmi dan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. Di sebaliknya hakikat bahawa Malaysia ialah sebuah masyarakat yang berbilang kaum dan berbilang budaya juga diakui dan dicerminkan dalam Perlembagaan

Persekutuan dengan memberi kewarganegaraan yang sama kepada semua kaum di samping menjamin hak-hak dan kebebasan asasi yang sama bagi semua rakyat.

Perlembagaan mengatakan bahawa walaupun Islam adalah agama rasmi, kebebasan beragama bagi semua terjamin. Begitu juga walaupun Bahasa Melayu ialah Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal, penggunaan bahasa-bahasa lain, kecuali untuk tujuan rasmi, dijamin juga. Walaupun kaum Bumiputera diberi perlindungan khas yang tertentu, kepentingan-kepentingan yang sah yang sepatutnya termasuk aspek budaya, ekonomi, politik dan sosial bagi kaum-kaum lain pun terus dilindungi juga. Oleh itu, Tuan Pengerusi, Perlembagaan kita telah mempertimbangkan sejarah dan juga menjaga realiti sekarang serta menetapkan Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum yang demokratik dan bebas.

Dari lojik ini dapat kita rumuskan bahawa segala bentuk dan pola-pola budaya yang sedia wujud pada hari kelahiran Malaysia pada tahun 1963, kecuali aspek-aspek budaya yang merosot dan merosakkan seperti budaya dadah, kebudayaan kuning dan sebagainya, adalah sebahagian daripada pusaka kebudayaan Malaysia yang kaya ini. Ini bererti bahawa kebudayaan Malaysia harus dibentuk melalui proses integrasi kebudayaan semua kaum di Malaysia seperti yang telah dan sedang berlaku secara semula jadi. Kebudayaan Malaysia harus merupakan kebudayaan kepunyaan semua warganegara dan semua rakyat Malaysia.

Tuan Pengerusi, Rukunegara kita telah menyatakan pendirian yang sama tetapi dengan lebih jelas dan terusterang lagi. Di antara beberapa matlamat, Rukunegara

mengisytiharkan bahawa “negara kita mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakat”; “memelihara satu cara hidup demokratik” dan “menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak.”

Apabila menerangkan konsep masyarakat liberal, Tuan Pengerusi, Rukunegara mengatakan bahawa kita mendokong cita-cita hendak memelihara wujud dan berkembangnya satu masyarakat yang liberal di mana anggotanya bebas mengamalkan agama, adat resam dan budaya masing-masing, sesuai dengan kepentingan perpaduan negara. Rukunegara juga mengatakan bahawa “kita bercita-cita hendak mencipta sebuah masyarakat di mana keadaan berlainan kebudayaan itu boleh menguntungkan dan menjadi sumber kekuatan bangsa dan negara Malaysia.”

Tuan Pengerusi, kita dapat melihat bahawa semangat Rukunegara menghormati kebebasan budaya semua kaum dan mengakui kekayaan kebudayaan berbagai kaum dalam negara ini sebagai satu sumber kekuatan negara. Jelaslah bahawa Rukunegara adalah lebih mirip kepada proses integrasi, iaitu satu proses menyatukan segala aspek baik nilai-nilai budaya semua kaum, daripada proses asimilasi iaitu satu proses menyatukan serangan hidup, mungkin melalui paksaan. Jadi, semangat yang termaktub dalam kata-kata Rukunegara adalah satu pendirian yang bernas, rasional serta berpandangan jauh, sesuai dengan hukum perkembangan kebudayaan dan sifat dinamik saling berubah, dengan izin, “interchange” antara budaya.

Tuan Pengerusi, pada pendapat saya sekiranya kita benar-benar berpandu kepada semangat Perlembagaan dan

juga pendirian Rukunegara, perkembangan kebudayaan Malaysia tentu akan mengalir ke satu arah yang sihat dan tidak akan membangkitkan perkara-perkara yang sensitif.

Kebudayaan-kebudayaan yang terdapat di negara kita akan diberi kebebasan untuk berkembang dan berubah secara semula jadi, serta diberi galakan untuk saling berinteraksi dan berintegrasi. Di samping menyerapi unsur-unsur baik daripada berbagai kebudayaan sebagai asas kebudayaan Malaysia kita akan juga mendorong perkembangan nilai-nilai kebudayaan yang sama terutamanya nilai-nilai moral.

Tuan Pengerusi, nilai-nilai moral yang sama ini mungkin termasuklah konsep bersih iaitu dari segi anti-rasuah, cekap, berdisiplin, berdikari, jujur, saling menghormati dan sebagainya yang semua ini dianjurkan oleh Kerajaan kita. Di samping itu kita juga bersedia belajar dari pihak-pihak lain. Pada dahulunya sehingga sekarang kita telah belajar sains dan teknologi dari Barat dan sekarang ini kita pula memandang ke Timur.

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun oleh kerana kaum-kaum yang berlainan di Malaysia mempunyai sejarah dan pengalaman yang berlainan, maka terdapatlah perbezaan dari segi perspektif nasionalisme serta pandangan terhadap isu kebudayaan. Oleh itu, kadangkala berlakulah pertikaian dan pertentangan, lebih-lebih lagi apabila perkara ini dijadikan isu-isu politik. Maka memandangkan hakikat ini, Tuan Pengerusi saya berpendapat bahawa isu kebudayaan ini harus dan hanya boleh dikendalikan melalui perbincangan-perbincangan dan dialog-dialog yang berterusan secara jujur, rasional dan bersikap liberal dan bukan melalui peraturan-peraturan yang ketat secara paksaan ataupun secara berkonfrantasi.

Tuan Pengerusi, sebenarnya dialog-dialog seumpama ini telah dimulakan misalnya di antara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan pihak 15 buah pertubuhan Cina yang mengemukakan satu memorandum mengenai kebudayaan apabila Yang Berhormat Menteri menerima rombongan perwakilan dari 15 buah pertubuhan tersebut pada 26hb September tahun ini. Dan ini merupakan satu titik permulaan yang sangat menggalakkan dan harus dialu-alukan.

(Tuan Shamsuri bin Md. Salleh *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Saya berharap bahawa dialog-dialog seumpama ini akan berterusan untuk bertukar fikiran, memahami pendirian-pendirian yang berbeza serta mencari asas-asas yang sama jikalau boleh.

Tuan Pengerusi, secara lebih spesifik, saya ingin mencadangkan bahawa Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Kebudayaan haruslah dibentuk semula. Selain daripada memilih ahli-ahli akademik dan pegawai-pegawai Kerajaan yang mempunyai kepakaran dalam bidang kebudayaan, wakil-wakil dari pertubuhan-pertubuhan kebudayaan dan pendidikan yang utama dari semua kaum seperti Gapena, Persatuan Guru-guru Melayu, Persatuan Guru-guru Cina seperti Tung Chian Chung dan sebagainya haruslah dijemput turut bersama. Ini akan menggalakkan penyertaan yang lebih menyeluruh dan bermakna serta memupuk perasaan kakitaan (sense of belonging). Majlis ini juga boleh berfungsi sebagai satu forum di mana isu-isu sensitif serta pandangan-pandangan yang berlainan mengenai kebudayaan boleh dibincangkan dalam suasana yang jujur dan rasional tanpa banyak dipengaruhi oleh pertimbangan-pertimbangan faktor-faktor politik.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Program (2) (b), (c) dan (d) iaitu mengenai Perhubungan dan Urusetia Kebudayaan, Pembangunan dan Penggalakan Kebudayaan serta Bahagian Penyelidikan Kebudayaan.

Saya memerhatikan bahawa bahagian-bahagian ini hanya mempunyai 5, 26 dan 19 orang pegawai masing-masing. Memandangkan bahawa kerja-kerja bagi bahagian-bahagian ini adalah sangat penting, bilangan pegawai mungkin tidak mencukupi dan harus ditambah. Dalam hal ini saya juga ingin merayu kepada Kementerian supaya berusaha untuk melantik lebih banyak orang pegawai dari keturunan bukan Melayu ke dalam bahagian-bahagian ini. Di samping itu semua pegawai-pegawai dalam bahagian-bahagian ini harus didedahkan kepada aspek-aspek semua kebudayaan yang sedia ada di negara kita supaya mereka dapat memahami cara-cara hidup serta aspirasi-aspirasi golongan berbilang kaum. Kementerian juga harus menggalak dan menganjurkan projek-projek penyelidikan yang bermutu yang dijalankan oleh kaum cendekiawan kita di institusi-institusi pelajaran tinggi.

Penyelidikan-penyelidikan ini haruslah menumpukan untuk mencari asas-asas yang sama di antara kebudayaan terutamanya dalam bidang nilai-nilai moral serta juga mencari langkah-langkah untuk memupuk kesefahaman di antara kaum dan menggalakkan saling interaksi antara budaya.

Saya juga ingin merujuk kepada Program (3) (d) dan (e) iaitu mengenai Pergerakan Belia dan juga Perpaduan Belia. Saya berpendapat bahawa kedua-dua program ini merupakan program-program yang penting. Maka saya berharaplah bahawa Kementerian akan melibatkan belia dari semua keturunan dalam kegiatan-kegiatan belia dan juga dalam segala rancangan Kementerian seperti latihan, lawatan

sambil belajar supaya mereka ini berpeluang untuk bergaul bersama-sama dan memupuk semangat perpaduan.

Tuan Pengerusi, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan merupakan satu Kementerian yang amat penting. Satu pendekatan yang jujur dan liberal terhadap kebudayaan bukan sahaja akan mengelakkan segala kecurigaan dan perasaan takut di kalangan rakyat yang berbilang kaum tetapi ianya akan mencegah kemungkinan isu ini dijadikan isu yang beremosi. Pendekatan yang liberal juga menunjukkan bahawa kita semua bukan sahaja mempunyai keyakinan (confidence) terhadap kebudayaan-kebudayaan kita masing-masing sebagai asset atau kekuatan negara tetapi juga mempunyai keyakinan terhadap keupayaan rakyat Malaysia dari berbilang keturunan dan berganding bahu untuk mengatasi segala masalah yang rumit untuk menjamin masa depan negara kita yang cerah.

Maka, Tuan Pengerusi, inilah harapan saya kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang dipimpin oleh seorang Menteri, yang seperti saya terdiri dari jenerasi baru Malaysia. Dengan ini, saya menyokong peruntukan untuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Bukit Mas.

4.39 ptg.

**Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas):** Tuan Pengerusi, saya turut serta membahaskan anggaran perbelanjaan bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh serba sedikit berkenaan dengan B. 23, muka surat 230, Butiran 1100, Program (2) (a)—Pendidikan dan Perkembangan Kebudayaan.

Tuan Pengerusi, negara kita adalah negara yang berbilang kaum, berbilang bangsa, agama dan berbilang kebudayaan Negara yang sedang membangun ke arah perpaduan nasional, ke arah satu identiti, ke arah satu kebangsaan dan satu kebudayaan.

Sebagai negara yang berdaulat, kita perlu mempunyai satu identiti, satu kebangsaan dan satu kebudayaan yang membolehkan kita hidup berdampingan dan diiktirafkan sebagai negara berdaulat bukan sahaja di rantau ini tetapi di kalangan masyarakat dunia amnya. Tidak dinafikan bahawa negara kita adalah negara yang kaya-raya dengan berbagai bentuk kebudayaan tradisional, bukan sahaja dari segi bentuknya, tetapi dari segi latarbelakang sesuatu kebudayaan itu. Sebagai negara yang berbilang kaum, yang mempunyai tradisi sendiri adalah penting bagi Kerajaan untuk menentukan unsur-unsur kebudayaan tiap-tiap kaum di Malaysia ini diserapi dan diasimilasikan dalam pembentukan kebudayaan nasional. Ini perlu supaya sesuatu kaum di Malaysia sama ada kaum besar ataupun kaum kecil tidak merasa keciwa ataupun tidak puas hati dengan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dari semasa ke semasa dalam proses pembentukan kebudayaan nasional.

Rakyat seharusnya sanjung tinggi hasrat Kerajaan untuk membentuk satu kebudayaan nasional yang dapat mengeratkan lagi kesefahaman di antara kaum-kaum di negara ini, tetapi dalam melaksanakan hasrat itu, Kerajaan perlu berhati-hati agar pelaksanaan yang tidak mengambilkira aspirasi-aspirasi semua kaum akan menjejaskan usaha kita dalam proses pembangunan negara. Dalam hal ini, Tuan Pengerusi, saya menyeru Kerajaan untuk menubuhkan satu Institut Kebudayaan Negara supaya dapat menjalankan penyelidikan kebudayaan dengan berkesan demi

mengatasi masalah yang berkaitan dengan proses pembentukan kebudayaan nasional. Kebudayaan adalah bentuk dan corak kehidupan sesuatu masyarakat ataupun sesuatu kaum. Sesuatu kebudayaan itu sentiasa hidup dan berkembang dari semasa ke semasa.

Dalam zaman yang moden ini kemungkinan kemurniaan sesuatu kebudayaan itu dipengaruhi oleh unsur-unsur yang buruk adalah tinggi sekali. Demi menjaga kemurniaan kebudayaan kita, langkah-langkah panjang perlu diambil oleh Kerajaan. Penubuhan Institut tersebut dapat mencapai matlamat ini dalam jangka masa panjang oleh kerana itu peruntukan yang banyak lagi perlu diberi kepada Institut tersebut demi menjalankan tugas dan menambahkan kemudahan-kemudahan dan pegawai-pegawai supaya dalam menjalankan tugas mereka penyelidikan mereka akan mengeluarkan hasil yang bertambah.

Tuan Pengerusi, di samping menubuhkan Institut Kebudayaan Negara, saya juga menyeru Kerajaan supaya menubuhkan dengan secepat mungkin satu Pusat Kebudayaan Negara ataupun Panggung Kebudayaan Negara. Penubuhan Pusat atau Panggung tersebut akan memberi kemudahan-kemudahan yang lengkap kepada rakyat dan ini akan meningkatkan lagi taraf dan kedudukan kebudayaan nasional kita.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh Butiran 1100, program 2 (e), pada mukasurat yang sama mengenai dengan Pendidikan dan Perkembangan Kebudayaan. Langkah bagi mendidik dan mendedah rakyat jelata, khasnya belia kepada kebudayaan lain-lain kaum di negara ini harus disanjung tinggi oleh kerana dengan fahaman yang luas itu kita dapat mengukuhkan lagi perpaduan nasional dan identiti kita. Dalam hal

ini, saya menyeru kepada Kerajaan supaya memberi peluang yang lebih banyak lagi kepada belia dari kaum-kaum di Sarawak dan Sabah untuk mengikuti program-program kebudayaan yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan dari semasa ke semasa. Pendidikan dan pendedahan belia kita kepada kebudayaan-kebudayaan yang terdapat dari semua golongan, dari semua masyarakat kaum di negara ini adalah perlu oleh kerana ini akan menghapuskan sifat chauvinistic yang terdapat di setengah-setengah golongan di negara ini. Segala galakan perlu diberi bagi mengembangkan kebudayaan kita di negara ini oleh kerana, Tuan Pengerusi, kaum dan bangsa yang memusnahkan kebudayaannya, memusnahkan identitinya.

Adalah harapan saya supaya dalam usaha dan proses pembentukan nasional, kebudayaan dan identiti semua kaum tidak harus dimusnahkan melainkan penggalakkan kebudayaan semua kaum di negara ini adalah kekuatan kita bersama sebagai negara yang berdaulat. Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya ingin mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

4.45 ptg.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh):** Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Maksud B. 26—Jabatan Perpustakaan Negara, Program (4) iaitulah Perkhidmatan Perpustakaan.

Perpustakaan Negara yang diberi peruntukan sebanyak \$4.7 juta bagi tujuan untuk memberi perkhidmatan kepada orang ramai di dalam masalah sumber-sumber bacaan dan bahan-bahan kepada rakyat terutama dalam

bandar. Jadi perkhidmatan ini adalah merupakan satu perkhidmatan yang baik dan berfaedah kepada orang ramai terutama kepada ahli-ahli penyelidik dan juga kepada pelajar-pelajar, anak-anak kita agar dapat menggunakan masa sepenuhnya untuk membaca. Ini juga bersesuaian dengan kempen Kerajaan kita sekarang yang memupukkan semangat supaya suka membaca di kalangan rakyat dan anak-anak kita kerana kesedaran bahawa ilmu dan juga pengalaman-pengalaman akan banyak lahirnya daripada pembacaan. Cita-cita dan hasrat Kerajaan ini adalah amat baik dan amat dipuji, begitu jugalah khidmat Perpustakaan Negara merupakan khidmat yang mulia, peranan yang penting dan berfaedah kepada negara.

Tuan Pengerusi, tetapi malangnya perkhidmatan yang penting dan mulia serta berfaedah ini hanya di kawasan-kawasan bandar seperti di ibu-ibu kota ataupun di pusat-pusat bandar, negeri sahaja. Oleh itu, saya meminta supaya peruntukan diberikan kepada Jabatan Perpustakaan Negara ini untuk memperkembangkan kegiatan dan juga aktivitinya ke daerah-daerah dan juga ke kampung-kampung yang serba kekurangan, jauh sekali kalau kita hendak mendapatkan bahan-bahan bacaan untuk faedah rakyat di tempat tersebut. Oleh itu, untuk melahirkan masyarakat yang benar-benar maju dan berkembang ialah dengan wujudnya masyarakat-masyarakat maju di luar-luar bandar yang merupakan majority rakyat dalam negara ini.

Tuan Pengerusi, penduduk di bandar-bandar kecil, daerah-daerah seperti di Pasir Puteh misalnya, sanggup mengadakan tempat dan juga bangunan untuk perpustakaan ini sekiranya pihak Perpustakaan Negara sanggup membiayai pengurusan dan juga penjagaan serta bekalan buku

untuk Perpustakaan Daerah, lebih-lebih lagi kalau pihak Jabatan Perpustakaan ini menempatkan seorang pegawai yang boleh menjalankan kegiatan dan aktiviti bagi perpustakaan ini.

Begitu juga Perpustakaan Bergerak untuk kampung-kampung dan desa-desa yang tertentu hendaklah diadakan peruntukan yang lebih yang membolehkan bagi Jabatan Perpustakaan ini atau Perpustakaan Negeri untuk mengadakan dan memperbanyakkan Perpustakaan Bergerak untuk kampung-kampung terpencil yang tertentu yang dijadualkan. Oleh itu, peruntukan hendaklah ditambah atau diberi kepada Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan ini supaya membolehkan perkhidmatan ini diberi kepada perpustakaan di daerah dan juga Perpustakaan Bergerak di kampung-kampung. Biarlah kita berikan air itu kepada orang yang dahaga, barulah berguna dan jangan lagi kita mencurahkan garam ke dalam laut, akan jadi sis-sia.

Dengan sebab itulah seruan saya supaya perkhidmatan Jabatan Perpustakaan ini diluaskan ke daerah-daerah dan ke kampung-kampung, jika perlu, menempatkan pegawai bagi mengurus atau melaksanakan pengurusan bagi menjayakan perpustakaan di peringkat daerah dan juga Perpustakaan Bergerak di peringkat kampung-kampung.

Tuan Pengerusi, saya juga akan bercakap di dalam Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini dalam bahagian B. 23, Program (2), Kebudayaan.

Tuan Pengerusi, Kerajaan hendaklah bertindak tegas dan berpegang taguh terhadap keputusan dan penentuan yang telah dibuat terhadap Kebudayaan Kebangsaan Negara ini. Sebagaimana Agama Islam sebagai Agama Rasmi dan juga Bahasa

Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan yang telah termaktub dalam Perlembagaan, tetapi di saat ini mengapa kita masih mempersoalkan Kebudayaan Melayu sebagai teras Kebudayaan Nasional dipersoalkan. Apakah perlu Kerajaan mesti membuat sesuatu kemungkinan dengan menjadikan Kebudayaan Kebangsaan merupakan perkara sensitif dan tidak perlu dipersoalkan yang termaktub di dalam Perlembagaan kita, barulah mereka ini hendak mematuhinya.

Kalau inilah yang diminta, maka saya tidak ragu-ragu lagi meminta dan menyokong Kerajaan menjadikan Kebudayaan Kebangsaan kita tidak perlu dipersoalkan, sebagaimana kedudukan Raja-raja dan hak istimewa orang Melayu, agama rasmi dan Bahasa Kebangsaan yang tercatat dalam Perlembagaan kita. Kalau tidak, suara-suara sumbang terutama dari DAP dan juga kunci-kuncunya akan tetap boleh didengar walaupun berkali-kali Kerajaan menerangkan dan menjawabnya, golongan ini tidak pernah boleh memahami dan tidak pernah berpuas hati.

Untuk memuaskan hati golongan ini ialah dengan menghapuskan semua kebudayaan lain dan kebudayaannya sahaja sebagai Kebudayaan Kebangsaan, barulah mereka berpuas hati dan mereka tidak soal banyak lagi. Golongan ini adalah merupakan golongan yang diberi betis hendakkan peha, seperti anjing dengan bayang-bayang, tamak, haloba, dengki dan tidak habis-habis mempersoalkan sesuatu yang telah diputuskan dan ditetapkan oleh pemimpin kita sebelumnya.

Tuan Pengerusi, kebudayaan adalah sama dengan agama dan bahasa. Ketiga-tiga ini merupakan unsur penting kepada kehidupan manusia dan negara. Sekiranya negara kita wujud dengan berbilang bangsa, maka sudah tentu wujudnya berbilang

agama, berbeza bahasa dan berlainan kebudayaan dan tidak serupa adat resamnya. Dengan sebab lahirnya Malaysia di atas satu asas perpaduan dan penyatuan fikiran pemimpin kita, maka keputusan dan ketetapan telah dibuat bahawa sebagai sebuah negara Malaysia yang merdeka dan berdaulat, maka satu agama rasmi telah dipersetujui, satu Bahasa Kebangsaan telah ditetapkan dan satu Kebudayaan Kebangsaan berasaskan kebudayaan peribumi negara ini telah diputuskan demi untuk menentukan identiti negara agar tidak merupakan suatu negara yang tidak bermaruah. Apakah kita di saat ini masih lagi mempersoalkan kebudayaan? Apakah di saat ini sudah terjadi bahawa kadok sudah menaiki junjung? Oleh itu, berwaspadalah pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, jangan kadok menaiki junjung, nanti mati, habis sireh-sireh yang kita tanam selama ini.

Tuan Pengerusi, dalam konteks Malaysia sekarang kita mahukan kebudayaan sebagai satu cara hidup yang menjadi kepunyaan bersama dan tidak kepunyaan satu-satu puak minority yang menyemai kebudayaan negara asing. Orang asing yang datang ke negara ini boleh membawa kebudayaan mereka dengan cara hidupnya tersendiri, tetapi tidak menyentuh kebudayaan peribumi yang menjadi teras Kebudayaan Kebangsaan kita. Misalnya, penjajahan Inggeris telah membawa kebudayaan dan cara hidup yang mengamalkan 'divide and rule', yang membahagikan masyarakat dengan golongan atau kaum-kaum tertentu dengan kebudayaan bercorak sukuan dan puak-puak, sebab pada masa itu masyarakat kita tidak mempunyai dasar atau asas kebudayaan yang pokok yang menjadikan kepunyaan kita bersama.

Maka kesan dari warisan penjajah inilah rakyat Malaysia tidak

mempunyai unsur kejiwaan Malaysia yang tulen, kerana warganegara yang berasal dari golongan immigrant atau golongan mendatang masih menaruh taat setianya dan masih berkiblat kepada negara asalnya. Dengan itu mereka masih mengamalkan cara hidup dan kebudayaan yang berbeza dengan penduduk peribumi Malaysia. Maka telah wujudlah semacam satu benteng atau "cultural barrier" antara puak immigrant dengan penduduk asal Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, oleh kerana perbezaan keturunan atau race yang tidak dapat dihapuskan, maka ciri-ciri kebudayaan yang asas dan pokok mestilah ditonjolkan supaya kita dapat menentukan corak keperibadian kebangsaan yang memperlihatkan identiti masyarakat Malaysia ini. Dengan cara yang seperti inilah dasar kebudayaan sukuan dan puak-puak dapat dikurangkan dan semangat kebangsaan Malaysia dapat diperkukuh dan diperkuatkan demi untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang berpadu.

Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, bahawa pembinaan negara ini memerlukan sokongan dan penyertaan oleh semua lapisan rakyat negara ini. Pembinaan negara ini juga belum sempurna jika rakyatnya masih tidak menaruh taat setia yang tidak berbelah bagi kepada negara ini. Untuk mencapai matlamat dan cita-cita pembinaan negara inilah harus kita menumpukan ciri-ciri persamaan dalam perkara-perkara asas, termasuklah masalah kejiwaannya. Oleh itu, Malaysia memerlukan satu corak Kebudayaan Kebangsaan yang dapat memupuk semangat kebangsaan demi untuk mewujudkan perpaduan negara dan juga kestabilan negara.

Tuan Pengerusi, kita faham bahawa dasar-dasar Kebudayaan Kebangsaan yang diucapkan di Dewan ini oleh wakil-wakil, terutama Wakil dari Sungai Besi dan wakil dari DAP

melalui soalan-soalannya, tetapi sebaliknya apakah itu fahaman tentang takrif kebudayaan yang sebenarnya? Apakah mereka itu nampak bahawa kebudayaan itu hanya terletak kepada Tarian Singa dan Tarian Naga sahaja? Apakah kebudayaan itu merupakan tarian sahaja? Tidakkah kebudayaan itu mempunyai pengertian yang lebih luas iaitu satu cara hidup atau the way of life, dengan izin, yang merangkumi adat resam, tabiat dan ciptaan rakyat sesuatu negara itu yang telah memenuhi kehendak-kehendak dan nilai-nilai yang telah meresap ke dalam jiwa dan sanubari sebagai darah daging sesuatu puak di Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, kalaulah mereka itu faham mengapa mereka tidak membuat kajian tentang unsur-unsur kebudayaan Cina dan juga kebudayaan India yang sesuai dan wajar boleh diterima atau diasimilasikan sebagai satu kebudayaan kebangsaan oleh semua pihak yang dapat melahirkan identiti kebangsaan kita. Kita tidak mahu kebudayaan kebangsaan kita menyerupai kebudayaan negeri China, menyerupai kebudayaan negeri India dan menyerupai kebudayaan di negeri Arab dan juga menyerupai kebudayaan di negeri Jepun dan sebagainya yang merupakan satu serpihan daripada kebudayaan-kebudayaan negara induk yang lain, tetapi biarlah kebudayaan itu lahir dari ciptaan dan cara hidup rakyat kita yang tinggal di negara ini, yang sesuai, yang wajar kepada semua rakyat negara ini walaupun terdapat saduran dari unsur-unsur kebudayaan asing yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, sebenarnya telah banyak cara hidup, adat resam dan berbagai kesenian yang berunsur dari kebudayaan asing telah disesuaikan dan diterima sebagai kebudayaan kebangsaan, cuma orang yang tidak mengkaji dan tidak mengetahui apa itu kebudayaan masih tidak faham dengan kebudayaan negara kita dan sentiasa

mendesak sesuatu kesenian atau ciptaan kebudayaan yang tulen mereka tanpa sifat-sifat yang boleh melahirkan identiti negara ini supaya diakui sebagai kebudayaan kebangsaan. Kalau inilah permintaan dari orang yang jahil tentang kebudayaan dan pokok pembentukan sesuatu kebudayaan itu maka tidak seharusnya pihak Kementerian memberi layanan.

Tuan Pengerusi, di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri kita pada 18hb Disember, 1982, semasa merasmikan Pertemuan Dunia Melayu di Melaka telah berkata: kita semua telah bersetuju perpaduan dan keutuhan itu akan kita bina dan pupuk melalui satu bahasa iaitu Bahasa Kebangsaan, satu kebudayaan iaitu Kebudayaan Kebangsaan. Maka Bahasa Kebangsaan diasaskan kepada Bahasa Melayu dan Kebudayaan Kebangsaan ialah kebudayaan yang berteraskan kebudayaan rakyat asal peribumi Malaysia. Kebebasan untuk mengamalkan kebudayaan masing-masing sebagai kebudayaan kesukuan dalam rangka dan batas-batas tertentu adalah terjamin dalam Perlembagaan negara kita. Dengan demikian persoalan konsep kebudayaan kebangsaan tidak timbul lagi sama seperti persoalan Bahasa Kebangsaan, yang menjadi persoalan hanyalah usaha dan tanggungjawab untuk mengisi konsep ini bagi kepentingan hidup bersama. Kalau mereka itu memahami apa kata-kata Yang Amat Berhormat Dato' Perdana Menteri ini tidak payah lagi mereka melaung-laungkan atau suarakan, terutama sebagaimana pihak DAP mempergunakan bahasa dan juga isu kebudayaan ini sebagai satu isu politik yang boleh mencacat dan menjejaskan perpaduan dan keharmonian kaum yang ditaja dan dibajai oleh pemimpin kita selama ini.

Tuan Pengerusi, sejarah telah membuktikan bahawa budaya Melayu

atau Polynesia telah tersibar luas di Asia Tenggara dan Alam Melayu dan juga menjadi tamaddun Melayu di zaman lampau sebagaimana yang disebut oleh wakil dari Tanjong tadi. Sebagai satu kebudayaan yang lengkap yang merangkumi sebanyak 150 juta manusia semasa itu yang bertutur mempunyai rumpun bahasa dan dalam satu kawasan yang sama maka sudah sewajarnya Kebudayaan Kebangsaan Malaysia berteraskan Kebudayaan Melayu.

Tuan Pengerusi, sejarah juga telah membuktikan bahawa perjuangan menuntut kemerdekaan telah lama diperjuangkan oleh rakyat peribumi sejak beratus-ratus tahun dahulu iaitu pada abad ke 16 lagi dan pada abad ke 19 barulah buruh-buruh dari negeri China dan India telah dibawa masuk ke Tanah Melayu ini. Begitu jugalah kedatangan agama Islam yang bertapak di Alam Melayu semenjak 600 tahun yang lampau sehinggalah menjadikan nilai-nilai Islam adalah nilai-nilai dominant yang menjadi nilai-nilai kepada Kebudayaan Kebangsaan kita. Oleh sebab itulah Islam merupakan unsur yang penting di dalam Kebudayaan Melayu. Apabila Kebudayaan Melayu menjadi teras Kebudayaan Kebangsaan maka dengan sendirinya kedudukan nilai-nilai dan unsur-unsur Islam yang terdapat di dalamnya mendapat tempat yang sewajarnya di dalam Kebudayaan Kebangsaan seperti yang diperakui oleh Perlembagaan kita.

Tuan Pengerusi, sebelum merdeka, parti politik Melayu telah membuat persetujuan dengan pertubuhan politik kaum-kaum lain bahawa kaum immigrant boleh diterima menjadi warganegara atau rakyat negeri ini dengan syarat kaum-kaum lain hendaklah menerima beberapa aspek kebudayaan pribumi seperti kedudukan Raja-raja Melayu, Bahasa Melayu, agama rasmi dan lain-lain lagi.

Dengan persetujuan inilah aspek-aspek tersebut telah menjadi satu ciri yang penting dalam Kebudayaan Melayu telah diterima di dalam Perlembagaan Malaysia. Oleh itu, golongan yang masih lagi mempersoalkan bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan sepatutnya sedar dan insaf serta berterima kasih, kalau boleh, jutaan terima kasih patut mereka berikan kepada pertubuhan politik Melayu iaitu UMNO dalam menerima ataupun mengiktiraf mereka sebagai rakyat warganegara ini.

Perkara ini sebenarnya sudah tidak perlu saya bangkitkan di saat ini. Saya tidak perlu membangkitkan perkara ini di saat ini seperti mereka itu juga DAP atau kunci-kuncunya tidak perlu lagi mempersoalkan masalah Kebudayaan Nasional atau masalah Kebudayaan Kebangsaan tetapi oleh kerana masih terdapat suara sumbang dan suara-suara golongan yang tidak sedarkan diri lahir dari nafsu dan perasaan tamak mereka itu maka saya terpaksa bangkit asal-usul ini supaya mereka itu sedar bahawa golongan immigrant dan juga pendatang ke negara ini mesti berterima kasih kepada budi yang diberi oleh penduduk peribumi kepada dan juga kepada asal-usul mereka. Jadi, sedarlah dan insafilah tentang perkara ini.

Tuan Pengerusi, falsafah Kebudayaan Kebangsaan yang berteraskan Kebudayaan Melayu merupakan tanggapan yang mengelirukan oleh puak-puak yang mencari kepentingan. Mereka adalah membabitkan atau menghujahkan serta berlindung di bawah prinsip-prinsip demokrasi dan hak-hak asasi manusia yang merupakan satu prinsip yang dikatakan bersifat sejagat dan juga mendapat penerimaan sejagat, tetapi mereka ini lupa bahawa penerapan konsep ini sebagai lunas-lunas penghidupan bermasyarakat dan juga bernegara adalah berbeza kerana setiap nilai kemanusiaan dan setiap

konsep sejagat itu serta setiap perundangan yang diterima mesti dirujukkan kepada cara dan pengalaman kehidupan rakyat yang berkembang menuju ke arah penubuhan pembentukan sebuah negara itu. Dengan lain perkataan, adalah mengambil kira perkembangan budaya kenegaraan yang diterapkan setiap nilai dan hukum yang wujud itu. Ini adalah berbeza di antara hak asasi individu atau hak kepentingan diri dengan hak kepentingan umum atau kepentingan ramai atau keutamaan kepentingan diri dengan kepentingan orang ramai yang menjadi pertikaian yang tidak habis-habis sekarang. Jadi, apakah pembentukan kebudayaan sekarang ini bercanggah dengan nilai kebebasan dan hak asasi manusia atau adakah terdapat demokrasi dalam konteks kebudayaan kenegaraan kita sekarang ini yang menjadikan Kebudayaan Melayu sebagai teras kebudayaan negara dan adakah ini bertentangan dengan rukun ataupun peruntukan dalam Perlembagaan mengenai kebebasan kebudayaan.

Untuk menjawab soalan ini kita perlu memahami bahawa kebudayaan kenegaraan kita yang menjadi wadah kepada penerapan nilai-nilai demokrasi dan hak asasi manusia itu kerana ianya tidak muncul dengan tiba-tiba, tetapi melalui keseluruhan perkembangan pengalaman rakyat kita dari masa ke semasa, dari asas yang telah ada dan wujud dalam negara ini. Dalam hubungan ini kita tidak boleh lari daripada melihat proses sejarah dalam evolusi masyarakat bagi pembentukan negara yang seluruhnya melahirkan kewujudan nusa dan juga bangsa di alam Melayu ini. Berdasarkan kenyataan dan konsep ini bangsa Melayu dan mengikut tradisinya tidak pernah terputus mendasari pembentukan negara kita Malaysia.

Tuan Pengerusi, ketika penjajahan Inggeris sendiri pun tidak pernah

memutuskan sama sekali rangka utama tradisi kenegaraan tempatan dengan adanya institusi kesultanan, adat istiadat, bahasa, agama dan juga masyarakat Melayu sehingga kemerdekaan Tanah Melayu dan kemudian kepada pembentukan negara Malaysia yang tidak putus-putus daripada kenegaraan kita yang diwarisi itu diwujudkan.

Adalah amat sedih bagi kita golongan yang mendatang berbilang kaum, yang memandang berbilang kaum atau berbilang keturunan itu akan memberi implikasi kepada kebudayaan yang sudah tentu bercanggah den hakikat sejarah negara ini.

Kefahaman seperti ini akan meletakkan budaya masyarakat Cina dan India setaraf dengan kebudayaan Melayu Malaysia sekarang ini. Dan mereka ini pula memandang masyarakat Bumiputera Melayu dianggap tidak lebih dari sekadar satu puak atau komponen dari berbagai kaum di negara ini. Sebagaimana golongan ini selalu mencontohi negara Amerika yang mempunyai berbagai kaum taraf budaya tiap kaum adalah setaraf dan kadang-kadang golongan ini pernah menganggap bahawa masyarakat Melayu Malaysia ini tidak berbeza dengan kedudukan Red Indian di Amerika. Adalah lebih sedih lagi saya dan adalah lebih buruk bagi tanggapan mereka itu apabila masyarakat Melayu di Tanah Melayu sendiri ini dirujuk sebagai satu daripada keturunan Melayu. Sesungguhnya ini adalah rujukan yang mempersoalkan kedudukan dan sifat kebumiputeraan orang Melayu sendiri yang sering dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia yang perjuangannya terus untuk mengekalkan kekeliruan di kalangan rakyat kita sekarang ini.

Tuan Pengerusi dari segi sejarah, istilah keturunan hanya digunakan apabila wujudnya keadaan

kependudukan yang tidak natural. Masyarakat China di Negeri China misalnya tidak pernah disebut bagi keturunan China kerana kelahirannya adalah satu yang natural di Negeri China. Tetapi sekiranya terdapat keadaan yang tidak natural katakanlah terdapat masyarakat mendatang atau immigrant dari Negeri India di China, maka amat wajar sekali mereka itu dirujuk sebagai rakyat China keturunan India kalau Republic of China, dengan izin, menerima mereka sebagai warganegara.

Tuan Pengerusi, jadi perbuatan merujuk masyarakat Melayu di Tanah Melayu itu di alam Melayu ini sebagai keturunan Melayu adalah satu perangkap atau jerat yang halus yang mengimigrankan kedudukan orang-orang Melayu sendiri.

Kalaulah Melayu juga masyarakat immigrant, apatah bezanya hak budaya Melayu dengan kaum-kaum immigrant yang lain. Oleh itu golongan ini hendaklah memahami sejarah negara kita dan juga sejarah alam Melayu dari segi kemasyarakatan dan kebudayaan serta kedudukan masyarakat Melayu di negara ini adalah berbeza sama sekali dengan masyarakat kaum lain. Kerana masyarakat Melayu adalah masyarakat natural yang lahir dan bertapak di kawasan ini dengan kebudayaannya yang berkembang dan berjaya membina satu tamaddun yang unik di kawasan alam Melayu ini. Dengan tradisi budaya kenegaraan yang diasaskan dari perkembangan bahasa dan intelektual Melayu dan juga perkembangan ekonomi dan sistem politik Melayu telah pun menghasilkan satu identiti kebangsaan yang unik pada ketika itu.

Oleh itu hendaklah juga menyedari hakikat sebenar bahawa tradisi budaya kenegaraan Melayu tidak pernah putus-putus dan terus menjadi faktor utama di dalam perkembangan negara kita sama ada dalam bidang politik

ataupun dalam bidang kebudayaan. Keadaan ini adalah amat berbeza dengan sejarah perkembangan dari segi politik dan budaya rakyat Amerika sendiri yang tidak boleh hendak dijadikan contoh kerana Amerika telah membangun satu tradisi masyarakat kebudayaan kenegaraan yang baharu, tradisi yang seluruhnya dibawa oleh masyarakat immigrant dan berasaskan kebudayaan mereka adalah berteraskan kepada masyarakat immigrant akibat daripada kehancuran dan putusnya kebudayaan bumiputera di Amerika yang tidak berupaya menjadi lagi wadah ataupun asas penerusan tradisi di Amerika pada masa itu dan juga pada masa ini. Sama ada rangkaian rangka tradisi politik bahasa dan budaya "Dayak Merah" di Amerika ini telah pun lenyap. Jadi kenalah kita membaca sejarah kedua-dua Sejarah Alam Melayu dan Sejarah Amerika, baharu kita dapat faham bahawa pembentukan kebudayaan dan juga penciptaan pada hakikatnya dari segi budaya itu.

Tuan Pengerusi, sebenarnya apa yang ada kepada Bahasa Kebangsaan dan juga Kebudayaan Kebangsaan kepada orang-orang Melayu jika kita bandingkan dengan pembolotan dalam sektor ekonomi yang menguntungkan itu. Apakah mereka ini sedar tentang pembolotan ekonomi dan kuasa-kuasa politik yang sama dalam menentukan corak dan pemimpin negara ini, tetapi oleh sebab sifat tamak dan juga untuk memuaskan nafsu mereka pura-pura tidak sedar yang sedar ialah hak yang **ditentukan** kepada orang lain itulah yang hendak direbut.

Sebaliknya orang-orang peribumi bermegah dengan kemegahan yang tidak ada apa-apa maknanya selain daripada menggempur semangat untuk melahirkan identiti negara sebagai warisan keperibadian orang Melayu di Malaysia ini daripada hilang ditelan zaman itulah sahaja. Kalaulah inilah benda dan perkara yang masih

diungkit-ungkit dan dipersoalkan, maka sampailah masanya untuk orang-orang Melayu, anak-anak Bumiputera dan Bumiputera keseluruhannya untuk berputih tulang. Kita tidak rela hak yang sedikit ini dirampas dan dipergunakan untuk kepentingan diri dan isu politik.

Tuan Pengerusi, sebenarnya rakyat jelata dari berbagai kaum dan keturunan dalam negara ini telah sedar dan insaf dengan sejarah dan situasi yang ada di negara kita ini. Masing-masing telah patuh dan beramal dengan hak dan persetujuan yang telah dicapai dalam memenuhi cara kehidupan dalam negara dengan penuh kerelaan, menerima keadilan begitu saksama sekali tetapi adalah amat malang sekali perkara ini telah ditimbulkan oleh pemimpin-pemimpin yang tidak bertanggungjawab menimbulkan isu ini hendak meniupkan semangat kesukuan dan perkauman mereka bagi mendapat kerusi di dalam Dewan ini. Sebab itulah mereka terpaksa menyebut dan membangkit-bangkitkan perkara kebudayaan yang telah diputuskan itu dan mereka tahu akan tidak berjayanya walau sejuta desakan sekalipun tetapi demi untuk kepentingan diri dan kerusi dalam Dewan ini maka mereka terpaksa menyebut juga.

Sebagai sebuah negara yang berpegang teguh kepada prinsip demokrasi dan amat menyedari tentang kejiwaan kefahaman kebudayaan masing-masing, maka kebudayaan kebangsaan kita adalah besikap liberal terhadap warisan kebudayaan lain dalam negara kita asal unsur kebudayaan lain itu sesuai dan wajar untuk diterima sebagai unsur kebudayaan kebangsaan.

Tuan Pengerusi, unsur-unsur asing yang sesuai dan wajar dengan norma-norma hidup yang sedia wujud untuk melambangkan keperibadian Malaysia dan juga untuk tidak berlawanan

dengan ciri-ciri kebudayaan rakyat asal di rantau ini, dan tidak bertentangan dengan prinsip Rukunegara, sepertimana yang disebut oleh rakan-rakan kita tadi serta nilai-nilai Islam yang menjadi agama rasmi negara ini yang akan mengukuhkan perpaduan maka nilai-nilai ini patut diterima sebagai satu kebudayaan di dalam negara ini.

Kebudayaan Melayu yang telah dipersetujui dan diterima sebagai teras kebudayaan kebangsaan sekarang ini adalah suatu bentuk kebudayaan yang sudah pun menerima dan menerapkan unsur-unsur kebudayaan sukuan kaum lain. Berbagai-bagai unsur kebudayaan Cina dan India yang telah diserapkan ke dalam kebudayaan kita, misalnya dalam kesenian juga seni budaya Melayu banyak terdapat unsur-unsur kebudayaan Cina dan India. Oleh itu corak dan bentuk liberal kebudayaan Melayu adalah amat sesuai dan wajar sekali menjadikan kebudayaan kebangsaan.

Tuan Pengerusi, adalah amat tidak adil dan amat mendukacitakan jika terdapat pihak yang tertentu yang masih lagi mengungkit-ungkitkan perkara lama yang telah ditetapkan untuk mewujudkan identiti kebangsaan bagi negara ini di samping kebebasan yang diberikan kepada kebudayaan sukuan untuk terus hidup tanpa disekat dalam perkembangannya di bumi kita ini. Dan adalah amat mendukacitakan kalau isu kebudayaan kebangsaan ini dijadikan isu politik dan diperbincangkan secara terbuka untuk membangkitkan perasaan segolongan rakyat dengan tafsiran dan fahaman yang mengelirukan tanpa memahami hakikat sebenar. Kita hendaklah mengharap kepada mereka itu mengamalkan sebagaimana kata pepatah Melayu: Di mana langit di junjung, di situlah bumi dipijak. Bárulah kita dapat memupuk keharmonian yang sebenar dalam negara kita ini. Dengan itu, saya

berharap pihak Kementerian ini akan bertegas dengan keputusan yang telah ditetapkan oleh kita bagi mewujudkan satu kebudayaan nasional yang berteraskan kebudayaan Melayu sebagaimana yang kita sedia maklum. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta duduk dahulu.

Saya suka maklumkan bahawa Majlis kita sekarang dalam peringkat Jawatankuasa dan saya dapati kebanyakan Ahli Yang Berhormat bercakap di atas dasar, masih sentuh dasar, tetapi saya terpaksa benarkan sebab ada sebelum ini, ada Ahli-ahli yang Berhormat yang menyentuh dasar juga.

Jadi saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat faham, kita dalam Jawatankuasa, kita sedang membincangkan satu-satu butiran, kita mempersoalkan berapa, jumlah perbelanjaan. Kalau kurang minta tambah dan sebagainya. Saya harap yang akan datang, Ahli Yang Berhormat akan menyentuh perkara mengenai butiran, bukan mengenai dasar.

Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak.

5.23 ptg.

**Tuan Megat Junid bin Megat Ayob (Hilir Perak):** Tuan Pengerusi, dalam membincangkan Bekalan 23, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, peruntukan bernilai \$29,430,780, ingin saya menyentuh Program (4) iaitu Sukan. Sukan adalah merupakan aktiviti yang mewujudkan suasana kerjasama, perpaduan dan semangat kekitaan. Sukan jika pertandingan antarabangsa, menanamkan semangat nasional yang kuat dan dengan perasaan yang nasional yang kuat akan mewujudkan perasaan kekitaan terhadap tiap-tiap warganegara.

Kementerian Kebudayaan, Beliau dan Sukan harus menitikberatkan perkara ini dengan serius dan juga mempunyai tanggungjawab yang penuh, bukan merupakan tanggungjawab untuk menolong sahaja, terutamanya yang melibatkan peserta-peserta atau pasukan-pasukan di peringkat antarabangsa.

Pada masa ini terlalu banyak masalah yang wujud yang dapat kita dengar daripada prestasi "yang baik" daripada pasukan-pasukan kita, sehingga wujud undi tidak percaya, pemain tidak berdisiplin dan sebagainya. Apa yang penting ialah menentukan prestasi pasukan kita dan pemain-pemain sukan kita mestilah menunjukkan satu prestasi yang baik dan mengkagumkan. Banyak negara-negara seperti Brazil, Italy, Indonesia, Denmark, Pakistan, India dikenali oleh seluruh dunia kerana prestasi sukan yang baik dalam dunia sukan. Dengan itu saya berharap kepada Kementerian Kebudayaan, Beliau dan Sukan benar-benar dapat memainkan peranannya agar segala masalah, segala latihan, segala perkembangan dalam semua jenis sukan dapat mencapai kejayaan yang baik kerana kejayaan yang baik ini akan mewujudkan semangat kebanggaan terhadap penonton-penonton dan semangat kebanggaan ini akhirnya akan mewujudkan semangat kekitaan dan semangat kekitaan itu pula akhirnya akan mewujudkan semangat nasionalisma yang tebal di kalangan rakyat kita yang berbilang kaum, yang kadang-kala semangat kekitaan, semangat cintakan negara dan semangat nasional masih lagi diraguragukan. Setelah semangat itu wujud barulah dapat kita mewujudkan apa yang dikatakan Program (2) Kebudayaan Nasional.

Dalam hal kebudayaan nasional ini, Tuan Pengerusi, ingin saya bercakap pendek sahaja kerana memberi peluang kepada orang lain dan

mungkin saya akan menyentuh perkara-perkara dasar kita kerana kawan-kawan saya yang telah lepas tadi menyentuh perkara itu, maka menyebabkan saya juga terpaksa memberikan sedikit ulasan.

**Tuan Pengerusi:** Jangan panjangkan sangat. Terima kasih kerana hendak cakap pendek sahaja.

**Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:** Sedikit sahaja. Dalam hal kebudayaan ini kita perlu mengetahui sejarah sepertimana Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih kata tadi. Jadi saya hendak sebut sedikit sahaja mengenai sejarah. Mengikut sejarah, orang Melayu sudah mempunyai tamadun yang tinggi sejak di zaman Temasik, Langkasuka dan Kerajaan Melayu Melaka. Tamadun dalam segi ekonomi, politik dan sosial tersusun indah di zaman itu. Ada Sultannya, ada Bendaharannya, ada Temenggung, ada Laksamana dan ada Syah Bandar. Wujud adat resam dan budaya yang tersendiri sehingga dianggap sebagai satu bangsa yang dominant di Tanah Melayu pada masa itu.

Pengakuan bahawa bangsa Melayu sebagai satu bangsa yang dominant di negaranya sendiri diakui oleh Maharaja China pada masa itu sehingga Maharaja China menghantarkan puterinya, Puteri Li Poh untuk diperisterikan oleh Sultan Melaka kerana Maharaja China merasakan tamadun Melayu Melaka sudah setaraf dengannya. Itu sebabnya Puteri Li Poh dihantar untuk dijadikan isteri oleh Sultan Melayu Melaka pada masa itu.

Pada masa itu juga datanglah orang-orang pendatang ke negara ini. Mereka itu merupakan satu kaum serpihan dari satu bangsa besar dari luar. Jadi sebagai satu kaum serpihan dari sebuah tamadun yang besar tentulah bukan golongan yang benar-benar merupakan ahli dalam budaya dari negara-negara yang besar tersebut.

Mereka adalah ahli-ahli perniagaan, atau orang-orang yang ingin mencari kehidupan. Budaya yang wujud di kalangan kaum serpihan~ini adalah budaya yang belum tentu asal keturunannya kerana kadangkala tidak wujud pun budaya tersebut di negara-negara besar dari mana asalnya mereka datang. Dengan itu adalah lebih baik kaum serpihan yang datang ini yang kini telah diterima dan menjadi warganegara Malaysia, harus meresapkan budaya yang dibawa dan direka oleh mereka itu ke dalam budaya besar yang telah lama wujud di negara ini sejak beberapa abad dan diakui oleh Maharaja China dan dijadikan sebagai budaya atau kebudayaan nasional kita. Itulah sahaja ulasan saya, Tuan Pengerusi dan saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Saya hendak minta Menteri menjawab pukul 6.00 petang selewat-lewatnya. Kalau ada ahli yang hendak bercakap, tolong pendek-pendekkan, kita beri peluang supaya ramai lagi orang yang hendak bercakap. Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

5.29 ptg.

**Datin Paduka Zaleha binti Ismail (Tanjong Karang):** Tuan Pengerusi, saya turut membincangkan iaitu Maksud Bekalan B. 23 Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Butiran (Kod) 2900 di bawah Program (2) iaitu kebudayaan, di muka surat 247 perkara (c) Pembangunan dan Penggalakan Kebudayaan; (e) Pendidikan dan Perkembangan Kebudayaan.

Tuan Pengerusi, sungguhpun ada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah membincangkan perkara ini, saya ingin juga membincangkan iaitu dari segi apa yang telah dapat dilakukan oleh Jabatan Kebudayaan, Belia dan Sukan Daerah. Saya sedar bahawa di peringkat Kementerian memang sudah ada perancangan yang rapi dan juga

menyediakan kakitangan yang lengkap bagi bahagian ini iaitu pembangunan dan penggalakan kebudayaan.

Oleh kerana itu telah diberikan peruntukan sebanyak \$400,900. Namun begitu pada pendapat saya jumlah ini masih kekurangan kerana usaha-usaha pembangunan dan penggalakan bagi kebudayaan ini bukanlah satu usaha yang kecil, terutamanya apabila kita memikirkan usaha-usaha bagi asimilasi dan arah ke matlamat kebudayaan nasional. Di peringkat daerah saya dapat bahawa perancangan dan aktiviti-aktiviti dari segi pembangunan dan penggalakan kebudayaan ini tidak nampak nyata dan tidak terlaksana. Mungkin disebabkan iaitu kekurangan kakitangan yang ada di pejabat Kebudayaan, Belia dan Sukan di peringkat daerah, di mana hanya seorang pegawai sahaja yang bertugas bagi satu daerah. Maka sukarlah bagi beliau untuk menguruskan bagi ke semua bidang iaitu kebudayaan, belia dan sukan yang begitu rumit sekali. Saya harap Kementerian akan dapat memikirkan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datuk tadi di mana diharap dapat pembantu bagi pegawai kebudayaan, belia dan sukan di peringkat daerah.

Di samping itu, aktiviti-aktiviti pembangunan dan penggalakan kebudayaan ini boleh dijalankan oleh Kementerian melalui Jabatan Kebudayaan, Belia dan Sukan Daerah dengan bekerjasama dengan persatuan-persatuan kebudayaan tempatan yang ada yang saya rasa kalau diberikan cukup peruntukan tentulah mereka ini akan dapat menjalankan tugas-tugas mereka dengan baik.

Mengenai pendidikan dan perkembangan kebudayaan saya juga merasa ini penting, jadi jumlah \$38,900 ini bagi seluruh negeri adalah sangat-sangat tidak mencukupi, kerana

pendidikan dan perkembangan kebudayaan ini bukanlah dikhususkan bagi satu-satu kaum. Dan saya juga berpendapat bahawa tiap-tiap kaum itu tidak wajar dibiarkan mereka ini memupuk dan memperkembangkan kebudayaan mereka itu masing-masing secara persendirian. Kerana sekiranya perkara ini berlarutan maka tujuan kita untuk mengassimilasikan kebudayaan yang ada di antara kaum-kaum supaya kita dapat satu kebudayaan yang ada di antara kaum-kaum supaya kita dapat satu kebudayaan nasional itu mungkin tidak akan tercapai ataupun lambat akan dapat dicapai.

Begitu juga kurangnya pendidikan pemupukan dan perkembangan kebudayaan ini ternampak nyata bahawa anak muda kita belia dan beliawanis kita nampaknya tidak begitu minat sangat dengan kebudayaan. Kalau mereka menari pun nampaknya banyak yang menari disko sahaja, bukan suka menari tradisional Melayu ataupun kaum-kaum masing-masing. Oleh kerana begitu banyaknya mereka ini terdedah kepada kebudayaan asing melalui media massa yang ada di negara kita ini dengan pemusnahan cukai tape video bertambah-tambah lagi pula filem-filem yang dari luar yang berbagai corak yang dapat masuk ke negara ini, rasa saya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mestilah lebih giat lagi memupuk dan memperkembangkan kebudayaan di negara kita ini kebudayaan kita sendiri supaya pengaruh-pengaruh kebudayaan asing dari luar ini tidak merebak.

Tuan Pengerusi mengenai Program 3, iaitu Belia, saya menyentuh mengenai (d) Pergerakan Belia dan (e) Perpaduan Belia. Saya berasa bangga iaitu dari satu jawapan yang telah diberikan oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam Dewan ini menyatakan bahawa lebih daripada 300,000 belia sekarang ini menjadi anggota persatuan-persatuan

dan pertubuhan-pertubuhan sukarela belia di negara kita ini. Saya mengakui hakikat ini kerana di kawasan saya sendiri juga telah terdapat bertambahnya persatuan-persatuan belia dan cawangan-cawangan persatuan-persatuan belia yang ada di mana terdapat belia daripada kaum Tamil misalnya, kelab belia Tamil bertambah giat menubuhkan cawangan. Begitu juga gerakan beliau bersatu dan juga gerakan 4B dan MAYC. Tetapi saya sukalah menyentuh mengenai perpaduan belia. Saya dapati bahawa perpaduan belia tergugat. Tergugatnya perpaduan belia ini ialah kerana kecenderungan politik pemimpin-pemimpin belia yang ada. Ini yang menjadi satu halangan yang menyebabkan tergugatnya perpaduan belia di kalangan gerakan-gerakan belia di negara kita ini.

Kecenderungan politik ini bukan sahaja di antara parti yang menyokong Kerajaan dengan parti-parti Pembangkang tetapi juga di kalangan parti-parti Kerajaan sendiri. Dan saya berharap perkara ini tidak dibiarkan begitu sahaja supaya ianya tidak menular dan merosakkan perpaduan belia. Kerana terdapat juga akibat daripada, dengan izin, political affiliation ini, Tuan Pengerusi ada pihak-pihak yang menghalang jabatan-jabatan Kerajaan khususnya Jabatan Penerangan mengadakan kursus-kursus sivik bagi belia-belia di kawasan saya.

Begitu juga political affiliation ini, dengan izin, menyebabkan pegawai-pegawai belia menjadi serba-salah. Kerana percanggahan antara pemimpin-pemimpin ini bukan sahaja di kalangan antara pihak parti Pembangkang dengan parti Kerajaan saya kata tadi, tetap di kalangan parti Kerajaan sendiri. Saya harap perkara ini dapat diperbetulkan.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Perbekalan 23, Butiran Projek 11, iaitu

Projek Belia Peladang. Dalam buku Belanjawan ini dicatatkan \$10.00 ini tanggapan saya ialah \$10.00 ini bererti tidak ada hadnya bagi peruntukan ini apabila diperlukan dan apabila projek dan program-programnya disediakan. Projek Belia Peladang ini dapat menolong dan membantu Kerajaan menyekat penghijrahan belia-belia ke bandar-bandar. Mereka yang berasaskan ataupun, datang daripada keluarga petani bolehlah kita kekalkan mereka di sana dengan memberi mereka ini Projek Belia Peladang sama ada secara berkelompok ataupun secara individu. Ini memang telah ada dilaksanakan tetapi saya berasa sedikit kurang puas hati kerana projek-projek ini tidak kekal. Kebanyakannya apabila telah dijalankan sekali, sekali itu sahaja dan mungkin satu masa nanti apabila ada pula ilham yang lain, baru pula dibuat sekali lagi, atau seolah-olah ianya bermusim-musim. Sepatutnya ia menjadi projek-projek yang kekal, misalnya, projek kolam ikan, projek ladang pisang, ternakan ayam yang pernah dijalankan melalui Projek Belia Peladang ini.

Satu perkara yang saya seru di sini ialah semua jabatan-jabatan Kerajaan di peringkat Daerah patut menjadikan Projek Belia Peladang ini sebagai projek usaha sama mereka, kerana banyak jabatan yang terlibat dengan jabatan belia dan sukan dalam Projek Belia Peladang ini. Satu ialah Pejabat Tanah, di mana asasnya tanah-tanah mestilah diberikan oleh Pejabat Tanah.

Yang kedua, Jabatan Pertanian yang boleh memberikan bantuan daripada segi benih, tanaman dan sebagainya. Begitu juga dari segi baja. Begitu juga perikanan dan haiwan, ini adalah penting kerana projek-projek ini melibatkan jabatan-jabatan lain dan saya rasa sikap jabatan-jabatan lain juga mestilah rasa bertanggungjawab sama ke atas Projek-projek Belia Peladang ini supaya ianya berjaya.

Dan akhir sekali masalah pemasaran. Saya tahu masalah pemasaranlah yang menjadi halangan kepada kejayaan Projek Belia Peladang ini. Disebabkan apabila ikannya telah dapat diambil selepas lapan bulan, adalah upacara di mana wakil-wakil rakyat samalah menanggung ikan sekali itu sahajalah. Lepas itu tidak lagilah ikan yang dibela, yang dipelihara dalam kolam itu tutuplah kolam itu. Inilah yang kita tidak mahu. Begitu juga ternakan ayam. Bahkan ternakan ayam sepatutnya dijalankan sepanjang masa. Jadi disebabkan pemasaran jugalah rasa saya kegagalan ini berlaku dan saya haraplah pihak FAMA akan dapat memberikan kerjasama yang erat dalam Projek Belia Peladang ini.

Butiran 13, Tuan Pengerusi ialah Rancangan Belia Niaga. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan khususnya bagi Projek Belia Niaga yang ada di kawasan saya iaitu yang berjaya. Tetapi tidak banyak, sedikit benar. Saya harap akan dapat lagi banyak Projek Belia Niaga ini yang berjaya yang dapat diadakan supaya dapat ianya memberikan kedudukan ekonomi yang baik kepada belia-belia. Satu perkara yang rasa saya penting ialah latihan yang didapati oleh belia-belia kita ini bagi mereka ini mengadakan Rancangan Belia Niaga ini mungkin tidak mencukupi. Mereka memang tidak mempunyai asas perniagaan. Paling banyak agak saya mereka menghadiri kursus usahawan dua minggu dan lepas itu sekali sekala menghadiri jadi kursus usahawan, setakat itulah pengalaman yang mereka dapat daripada latihan-latihan untuk menjalankan perniagaannya.

Saya rasa perlulah khidmat nasihat yang berterusan patut diberikan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui jabatannya di daerah-daerah ataupun agensi-agensi Kerajaan lain patut membantu

memberikan khidmat nasihat dan penyeliaan agar peruntukan yang begitu banyak yang disediakan oleh Kerajaan tidak sia-sia kerana projek ini gagal. Projek yang telah berjaya itu boleh menjadi contoh kepada mereka.

Saya dapati yang berjaya itu benar-benar mempunyai semangat dan sikap sebagai seorang yang hendak berniaga iaitu kalau dianya mekanik motor sepanjang harilah saya tengok bajunya itu tidak pernah baju yang bersih tidaklah seperti belia-belia lain yang suka berpakaian cantik, berjalan ke sana ke mari mundar-mundir, tetapi dianya daripada pagi sampai malam dengan pakaiannya sebagai mekanik yang kotor itulah. Orang seperti itulah yang saya rasa boleh berjaya dalam usaha-usaha seperti ini. Dan ini membawa saya masuk kepada Pusat Latihan Bina semangat.

Saya mengalu-alukan Rancangan Pusat Latihan Bina Semangat Langkawi yang ada di bawah Butiran Projek 20 iaitu Pusat Latihan Bina Semangat itu saya rasa patutlah menyeluruh kepada segala-gala yang perlu bagi seorang belia yang boleh menentang segala apa juga anasir ataupun segala apa juga unsur-unsur subversif dan anti-national, dadah dan sebagainya supaya mereka itu boleh menjamin ketahanan negara dan supaya mereka itu juga berjiwa, bersemangat dan berdikari dapat menjalankan usaha-usahanya dengan bersendirian apabila telah diberikan bantuan dan pertolongan oleh Kerajaan atau mana-mana pihak juga.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya menyentuh mengenai Rancangan Pembangunan Kemudahan Sukan untuk bandar-bandar kecil. Saya dapati bahawa dalam projek ini ataupun di bawah tajuk ini memang kemudahan-kemudahan ini sangat berkurangan di bandar-bandar kecil. Misalnya, di daerah Kuala Selangor, Kerajaan Negeri telah menyediakan

satu kawasan seluas 9 ekar sebagai kompleks sukan bagi daerah Kuala Selangor, tetapi malangnya sehingga hari ini—iaitu projek ini telah dilaksanakan pada tahun 1980 sehingga hari ini cuma dalam 9 ekar itu terdapat satu padang bola dan satu padang bola jaring. Saya rasa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan boleh menolong melengkapkan kemudahan-kemudahan kesukanan dalam kompleks sukan yang seluas 9 ekar ini yang boleh dapat digunakan oleh belia-belia di seluruh daerah tersebut dan mungkin juga daerah-daerah yang berdekatan kerana saya dapati persatuan-persatuan belia yang ada di daerah Kuala Selangor adalah begitu minat dalam sukan dan tiap-tiap tahun sering mengadakan pertandingan-pertandingan yang menjemput persatuan-persatuan belia daripada daerah-daerah lain dalam seluruh negeri Selangor. Jadi memang wajarlah satu kompleks sukan yang lengkap seperti yang ada di Kuala Selangor itu dapat diperlengkapkan lagi supaya kemudahan-kemudahan ini dapat digunakan oleh setiap belia yang ada.

Saya menyokong peruntukan bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang akhir.

*5.44 ptg.*

**Tuan Haji Saroji bin Haji Haron (Baling):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih peluang yang telah diberi. Saya suka menarik perhatian dalam Maksud Bekalan B. 23, muka surat 230, Program (3)—Pergerakan Belia sebanyak \$248,800 dan (e) Perpaduan Belia sebanyak \$117,300.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang begitu giat untuk menjaga kehormatan belia dan

membawa seluruh belia ke tahap yang lebih tinggi dan dihormati oleh masyarakat umum, dan dapat melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang berguna di dunia dan di akhirat, khususnya memberi perhatian terhadap perkembangan belia-belia di kawasan luar bandar yang selalu terdedah dengan anasir jahat yang tidak bertanggungjawab iaitu di kawasan keselamatan sempadan Malaysia/Thailand. Kawasan ini diberitakrif Kawasan KESBAN—kawasan sensitif yang selalu boleh membangkitkan satu keadaan dan suasana yang tidak diingini.

Menerusi Dewan ini saya berharap supaya pihak Kementerian akan mengatur program-program yang khusus kepada kawasan ini seperti mengadakan kegiatan khusus kesukanan, kebudayaan dan menaikkan taraf ekonomi belia dengan mengusahakan tanah-tanah yang mereka milik dengan sepenuhnya dan diberi latihan tertentu. Selain daripada mereka dapat mengikuti dengan rakan-rakan yang lain di daerah dan kawasan yang telah maju dan juga dengan menyediakan lawatan sambil belajar yang lebih banyak kepada mereka. Apa yang saya maksudkan Tuan Pengerusi ialah supaya pihak Kementerian mengadakan peruntukan yang istimewa iaitu lebih dari daerah lain yang telah maju dan mengadakan program yang rapi di kawasan keselamatan ini dengan dipimpin oleh pegawai yang berpengalaman.

Tuan Pengerusi, saya juga akan bercakap Program 4—Sukan (*b*) Pengalakkan Sukan dan Riadah. Saya berharap pihak Kementerian dapat mengadakan pengkajian secara menyeluruh untuk mengada dan menyediakan padang permainan awam di tiap-tiap mukim satu sekurang-kurangnya supaya dapat belia-belia bermain dengan baik dan mendapat latihan yang sempurna. Kerana buat masa ini didapati kawasan luar bandar

padang permainan awam yang ada ialah di pekan-pekan tiap-tiap daerah, dan di sekolah-sekolah untuk kanak-kanak yang mana selalu menjadi rebutan penggunaannya dengan kanak-kanak sekolah oleh belia. Dan kadangkala mereka bermain di atas bendang-bendang kering, di tempat lapang di tepi sungai dan juga bukit, tidak sesuai dijadikan padang permainan tetapi apa boleh buat tidak ada padang awam tertentu diuntukkan kepada mereka.

Tuan Pengerusi, saya percaya dengan adanya peruntukan yang istimewa dan program yang lengkap, yang lebih teratur dan dapat diusahakan untuk menyediakan padang permainan awam satu mukim satu sekurang-kurangnya atau di tiap-tiap bandar kecil yang dicadangkan. Saya percaya belia-belia di kawasan KESBAN iaitu keselamatan dapat sama hidup dengan penuh taat setia dan tanggungjawab yang tidak berbelah bagi. Pada hemat saya mereka akan menjadi pemimpin yang mempunyai peribadi dan budi pekerti yang baik dan dapat menyesuaikan dengan kemajuan negara dari masa ke semasa. Saya percaya masa hadapan belia akan lebih cerah dan hidup dalam negara yang makmur, kaya-raya dan aman bahagia yang diredai oleh Allah s.w.t.

Akhirnya, saya menyokong Bekalan B. 23, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ada sebelas minit lagi; ada dua orang hendak bercakap. Saya boleh bagi masa 6 minit seorang. Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu dahulu.

5.49 ptg.

**Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Terengganu):** Tuan Pengerusi, saya akan bercakap pendek sahaja. Saya hendak bercakap mengenai Maksud 1100, Program 3 (*b*) iaitu Latihan Belia. Tuan Pengerusi, saya hendak

buat sedikit cadangan untuk dijadikan pertimbangan kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sebenarnya, apa yang saya hendak cakapkan ini telah pun saya susun dalam satu bentuk memorandam dan saya harap akan dapat saya sampaikan kepada Yang Berhormat Menteri selepas saya bercakap nanti.

Tuan Pengerusi, saya memandangkan ada satu masalah yang sangat berat yang dihadapi oleh negara kita sekarang ini yang nampaknya tidak diambil perhatian oleh mana-mana jabatan Kerajaan iaitu masalah belia yang berhenti sekolah yang lulus dengan mendapat Gred III SPM ataupun yang tidak lulus langsung dan terpaksa berhenti Sekolah, tidak dapat melanjutkan pelajaran ke mana-mana institusi pelajaran dan mereka ini menunggu kerja kadang-kadang menganggur selama tiga empat tahun sebelum dapat kerja sebagai buruh dan sebagainya.

Masalah yang timbul ialah apabila belia-belia yang masih remaja ini menghadapi satu masa depan yang tidak tentu, yang gelap maka akan timbul satu kesan psikologi yang amat buruk. Mereka menjadi satu kumpulan masyarakat yang pasimistik dan tidak tahu kepada siapa hendak mengadu. Umur mereka masih muda, latihan tiada, kepandaian tiada, hendak masuk askar bukan selalu askar mengambil orang baru, hendak masuk polis pun begitu juga, setengah-setengahnya tidak cukup ukuran dan sebagainya, kemudian terdedahlah kumpulan anak-anak muda ini kepada anasir-anasir yang tidak diinginkan. Mulalah mereka memasuki kumpulan menghisap dadah dan membuat kerja-kerja yang dianggap sebagai anti masyarakat.

Oleh yang demikian saya minta pihak Kementerian ini mengadakan satu program yang komprehensif khusus untuk belia-belia kumpulan ini

dengan kerjasama Kementerian Pelajaran, mungkin satu program selepas sekolah dapat disusun supaya kita dapat mendidik anak-anak muda ini menjadi satu kumpulan belia remaja yang berguna kepada masyarakat. Saya cadang supaya ditubuhkan satu "Briged Belia" atau "Briged Remaja" iaitu dengan matlamat untuk menjadikan mereka satu tenaga yang berguna dan produktif sementara mereka mendapat pekerjaan tetap. Program-program yang tersusun hendaklah dibuat supaya mereka didedahkan kepada unsur-unsur menghayati agama, apa juga agama yang mereka anuti dan mengamalkan akhlak mulia, menghayati dan mengamalkan prinsip hidup bermasyarakat yang ideal menurut lunas-lunas kehidupan timur seperti menghormati orang tua-tua, mengamalkan kerja-kerja gotong-royong, semangat kejiranan, menolong orang-orang yang daif dan dalam kesusahan, menjaga kebersihan diri, rumah tangga dan kampung halaman dan mempertajamkan semangat ketatanegaraan.

Melalui program ini saya percaya juga dapat disemai rasa kepercayaan kepada diri sendiri dan kebolehan untuk maju tanpoa bergantung kepada pertolongan orang lain.

Tuan Pengerusi, saya cadangkan supaya program-program seperti ini dibuat di seluruh daerah dan gerakan pendaftaran mereka yang baru lulus SPM dan tidak dapat melanjutkan pelajarannya ke sekolah-sekolah tinggi hendaklah diadakan setiap selepas peperiksaan SPM tiap-tiap tahun dan mereka yang diberhentikan sekolah itu hendaklah diserapkan ke dalam program ini yang boleh disusun selama 6 bulan tiap-tiap sekali program ini selepas itu diadakan program-program follow-up supaya mereka tidak merasa tersisih daripada program ini selepas mereka dilatih.

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah cukup.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Ya. Mungkin memakan wang yang banyak tetapi ini adalah satu sumber tenaga yang tidak produktif kalau kita tidak produktifkan. Saya harap saya akan menyerahkan Kertas Kerja ini kepada Yang Berhormat Menteri selepas ini.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Parit.

5.55 ptg.

**Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis (Parit):** Tuan Pengerusi, saya akan bercakap dengan ringkas sahaja berkenaan Maksud Bekalan 23, Butiran 1100, Program (4)—Sukan.

Memandangkan golongan belia kita dalam lingkungan 60% daripada penduduk negara dan mereka ini akan menjadi anggota masyarakat ataupun satu jenerasi yang akan mengisi kekosongan dalam negara kita pada masa depan, saya mengharapkan supaya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan memberi perhatian yang berat terhadap kegemaran ataupun minat yang ada pada belia-belia kita, terutamanya dalam bidang sukan dan permainan. Di kampung-kampung, terutamanya dalam bidang sukan dan permainan. Di kampung-kampung, terutamanya, sukan ini merupakan satu kegiatan yang amat digemari oleh belia-belia. Oleh itu, perhatian yang perlu diambil saya berikan dua, tiga cadangan, yang pertama sekali hendaklah para-para belia ini diberikan bantuan yang lengkap dengan alat-alat permainan dan gelanggang serta padang-padang permainan kerana pada hari ini mereka menghadapi masalah dalam hal ini, terutamanya untuk mendapatkan tempat bermain terpaksa menumpang di padang-padang sekolah atau di gelanggang-gelanggang kepunyaan orang lain. Begitu juga dengan alat-alat permainan mereka sentiasa menadah tangan untuk mendapatkan derma-derma atau sumbangan daripada

pemimpin-pemimpin tempatan dan juga daripada ahli-ahli dermawan kerana peruntukan kepada alat-alat seperti ini amat sukar mereka dapati daripada Jabatan Belia.

Keduanya, eloklah dibanyakkan lagi kursus-kursus khas berbagai-bagai jenis permainan kepada para-para belia di desa-desa kerana tujuannya bukan sahaja untuk membolehkan mereka hanya bermain tetapi untuk memberikan mereka satu kebolehan yang istimewa ataupun boleh menguasai benar-benar secara mendalam akan peraturan-peraturan dan juga meningkatkan kebolehan mereka dalam permainan-permainan yang digemari dalam negara kita.

Yang ketiganya, patutlah juga diadakan kursus-kursus bersifat rohaniah, disiplin dan semangat berdikari kepada belia-belia kita supaya dengan ini akan lahir lah golongan-golongan belia yang terdidik dengan sikap yang baik, berdisiplin dan boleh berdiri dengan sendiri supaya tidaklah nanti mereka sentiasa mengharapkan pertolongan orang lain. Sebagai contoh untuk membeli sebiji bola sepak misalnya, ini pun belia-belia kita di desa-desa tidak mampu hendak mengadakan wang melainkan mengharapkan sumbangan ataupun derma daripada orang lain. Jadi semangat, sikap ini tidak ada di kalangan belia-belia kita.

Yang keempatnya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga hendaklah sentiasa mengawasi dan melihat akan kebolehan belia-belia kita di desa-desa ataupun kebolehan dan ketokohan mereka dalam bidang sukan, kerana beberapa banyak tokoh-tokoh sukan di luar-luar bandar atau di desa-desa di kalangan belia kita yang berkebolehan, tetapi malangnya bakat mereka ini hilang begitu sahaja. Kalau sekiranya bakat yang baik di sekolah apabila tamat sekolah maka bakat itu akan hilang tidak dapat dilanjutkan

kerana peluang ini tidak diambil perhatian yang serius oleh pihak-pihak yang sepatutnya mengambil perhatian.

Kalau kita lihat persatuan-persatuan yang terlibat dengan hal-hal sukan lebih berminat untuk mengambil ahli-ahli permainan untuk dijadikan pasukan-pasukan peringkat negeri dan peringkat kebangsaan daripada golongan-golongan belia atau pemain-pemain di bandar-bandar. Jadi tokoh-tokoh ataupun bakat-bakat yang ada di desa-desa tidak diambil kira. Inilah cadangan saya kepada Kementerian ini.

Yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh berkenaan dengan Muzium Negara iaitu Maksud B. 24. Oleh kerana muzium-muzium ini terdapat di bandar-bandar misalnya di Kuala Lumpur, di Taiping, Melaka dan sebagainya, jadi kepada orang-orang desa yang jarang-jarang dapat peluang untuk melawat pertunjukan-pertunjukan ataupun melawat tempat-tempat yang bersejarah, bekas-bekas sejarah, jadi saya mencadangkan supaya Kementerian dapat mengatur lebih banyak program-program supaya membolehkan orang-orang desa ini melihat bekas-bekas sejarah seperti ini dengan mengadakan Muzium Bergerak lebih kerap lagi ke kawasan-kawasan luar bandar dan juga di desa-desa.

Sekian, Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

*6.01 ptg.*

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim):** Tuan Pengerusi, izinkanlah saya untuk menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, saranan, teguran dan juga

memorandum untuk membantu saya dan Kementerian untuk melicinkan dan memperbaiki perjalanan serta prestasi Kementerian umumnya.

Banyak perkara-perkara yang telah disentuh dan saya mohon izin untuk menyentuh secara umum dan juga khusus kepada beberapa persoalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat dari Bagan Datok menyentuh tentang perlunya Kebudayaan Nasional itu memupuk semangat taat-setia dan di samping itu menekankan program-program latihan belia yang lebih teratur termasuklah penekanan tentang nilai-nilai Islam. Saya inginlah menjelaskan bahawa dalam semua program-program yang dijalankan oleh Kementerian sekarang, dalam semua bentuk latihan dan semua penerangan, soal-soal dasar, soal-soal kesedaran bangsa dan semangat ketahanan nasional, soal-penerapan nilai-nilai Islam dijadikan sebagai salah satu daripada isu pokok yang ditekankan.

Soal kekurangan pegawai-pegawai di daerah yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok dan juga Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang, saya dan pihak Kementerian tentunya bersetuju tetapi sepertimana kita sedia maklum dengan keadaan yang dihadapi oleh negara sekarang tidak dapat kita berbuat sesuatu yang lebih berkesan selain daripada tunggu dan berdoa buat sementara waktu.

Dalam soal Belia Peladang, kita tentunya terpaksa meningkatkan keupayaan dan produktiviti di kalangan belia-belia oleh kerana peruntukan di dalam bidang ini juga dikurangkan, maka pihak Kementerian dan pegawai-pegawai yang berkenaan akan diminta supaya menyelaraskan kegiatan yang lebih teratur dengan Kementerian Pertanian dan agensi-agensi lain yang berkenaan.

Pihak Kementerian tentunya akan menjelaskan dan memberikan penerangan yang lebih mengenai perjalanan Koperasi Belia Nasional supaya masyarakat muda umumnya dapat mengikuti betapa perlunya ditingkatkan usaha-usaha dalam bidang koperasi.

Begitu juga dalam soal modal pada golongan belia yang saya kira menjadi masalah yang besar. Selain daripada menambahkan peruntukan dalam bidang tersebut, usaha-usaha akan dijalankan untuk membantu menyelaraskan dengan agensi-agensi yang terlibat dan Jabatan-jabatan lain yang boleh membantu dalam perkara tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong menyentuh tentang soal kebudayaan. Saya mengucapkan terima kasih kerana beliau telah menggunakan masa yang panjang lebar bersama-sama dengan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh yang menyentuh dan menyingkap semula lembaran sejarah dan mengingatkan kita tentang beberapa faktor utama dalam usaha kita memupuk rasa perpaduan kebangsaan melalui kebudayaan. Saya ingin jelaskan bahawa implikasi dari kenyataan bahawa wujudnya satu bentuk paksaan adalah tidak benar sama-sekali Konsep Kebudayaan Kebangsaan itu semata-mata satu konsep yang dirangka untuk membantu proses perpaduan. Oleh yang demikian yang akan dipupuk adalah suatu program untuk menyedarkan masyarakat terbanyak melalui penyelidikan, melalui perkembangan program-program kebudayaan, melalui kegiatan-kegiatan yang lain supaya teras kebudayaan yang berdasarkan kebudayaan rakyat asal atau peribumi dapat dikembangkan. Soal paksaan tidak timbul sama sekali dan pihak Kementerian sudah tentulah rasa dukacita sekiranya ada pihak-pihak yang membawa gambaran seolah-olah

terdapat mana-mana program di peringkat Kementerian yang menganjurkan paksaan dalam bidang kebudayaan ini.

Sudah berulang-kali disebutkan bahawa program yang digalakkan adalah interaksi, integrasi, Pengembangan nilai-nilai yang sama. Bahkan penyertaan golongan bukan Melayu juga terdapat dalam Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Kebudayaan, dalam seminar-seminar dan program-program yang menyentuh soal nilai dan norma. Semua jemputan ditujukan kepada semua badan-badan budaya dan sarjana-sarjana tanpa mengira kaum. Ini adalah kerana kita sedar bahawa di antara program yang utama adalah melalui pemupukan nilai-nilai universal yang luhur yang perlu diketengahkan yang tentunya dapat difahami dan dipersetujui oleh semua kalangan dari semua kaum.

Soal asimilasi yang dibangkitkan itu tidak lebih selain dari mengakui kenyataan sejarah bahawa sebagai teras Kebudayaan Kebangsaan, proses asimilasi telah berlaku, sedang berlaku dan pasti akan berlaku, dan tidak mungkin kita dapat menolak dan menafikan kenyataan sejarah tersebut.

Saya juga ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Pasir Puteh dan juga Yang Berhormat dari Hilir Perak yang menerangkan dari segi sejarah dan keperluan kita masyarakat Malaysia sekarang menumpukan perhatian sepenuhnya dalam soal yang lebih positif iaitu bagaimana dapat masyarakat dari berbilang kaum membantu untuk memupuk kesedaran mengenai Kebudayaan Kebangsaan. Adalah merugikan kalau kita masih mempersoalkan konsep dan dasar dan memberikan sekali lagi andaian bahawa terdapat suatu penekanan yang menunjukkan sikap yang tidak adil dari pihak-pihak yang berkuasa khususnya Kementerian.

Saya menyokong cadangan dan saranan Yang Berhormat dari Tanjong supaya program-program untuk melibatkan masyarakat bukan Melayu diperbanyakkan dan mereka juga didedahkan kepada semua aspek kebudayaan dan aspirasi golongan berbilang kaum sama ada di kalangan pegawai ataupun masyarakat umum, di kalangan orang-orang Melayu, Cina dan India, kerana soal mempelajari, soal pendedahan (exposure) kepada pandangan dan pengalaman masing-masing kaum itu dibolehkan, tetapi ini tidak haruslah menjejaskan usaha kita yang utama dari segi konsep yang telah ditegaskan itu.

Yang Berhormat dari Tanjong juga menyebut tentang penglibatan belia-belia dari kaum lain dalam program-program Lawatan dan Latihan. Ini juga disebut oleh Yang Berhormat dari Bukit Mas mengenai penglibatan belia-belia Sabah dan Sarawak. Rekod yang ada pada Kementerian jelas menunjukkan bahawa dalam program-program Lawatan dan Latihan, semua kesempatan yang boleh diberikan kepada semua kaum. Ini termasuklah pusat-pusat latihan, semua program-program lawatan diberikan kesempatan yang cukup kepada semua kaum, dan program-program integrasi di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak juga telah ditingkatkan.

Kalaupun didapati kurang sekarang adalah kerana peruntukan yang terbatas dan bukan kerana sengaja pihak Kementerian hendak mengurangkan jumlah mana-mana golongan daripada menyertai program-program latihan dan juga lawatan.

Saya juga bersetuju tentang saranan bahawa pendekatan kita harus liberal dan memang menjadi dasar Kementerian selaras dengan dasar pentadbiran Kerajaan hari ini supaya mengamalkan pendekatan yang lebih liberal. Tetapi pengertian liberal dalam soal kebudayaan ini tidak bolehlah

disalahertikan seolah-olah liberal ini menunjukkan kelemahan atau kecuaiian pihak Kementerian mengamalkan prinsip-prinsip dan dasar-dasar yang sudah dipersetujui sejak belum merdeka dan ditegaskan semula dalam Kongres Kebangsaan Kebudayaan 1971.

Tentang saranan supaya diperbanyakkan pegawai-pegawai bukan Melayu di Kementerian, saya terima baik. Sekarang ini pun sudah ada usaha-usaha untuk menambah pegawai-pegawai tersebut walaupun hal-hal tersebut adalah di luar daripada bidang kuasa Kementerian ini. Yang boleh kita lakukan ialah untuk memberikan kesempatan yang seluas mungkin kepada semua persatuan-persatuan dan kalangan untuk memberikan pandangan mereka terhadap kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh Kementerian.

Yang Berhormat dari Pasir Putih menyebut juga tentang soal dan prestasi Perpustakaan Negara dalam hubungan dengan projek-projek di luar bandar.

Kami menyambut baik saranan Ahli Yang Berhormat tersebut dan inginlah menegaskan bahawa setakat ini 34 buah perpustakaan bergerak sedang memberi khidmat di kawasan bandar dan juga luar bandar dan arahan yang telah diberikan kepada pihak perpustakaan untuk meningkatkan perkhidmatan tersebut ke kawasan-kawasan luar bandar. Dan insya Allah pada tahun akan datang sesuai dengan semangat persyarikatan Malaysia ini kita dapat penyertaan daripada syarikat-syarikat swasta untuk menambah jumlah perpustakaan bergerak dan semua peruntukan-peruntukan baru dalam bidang perpustakaan akan ditumpukan di luar bandar.

Tentang cadangan khusus dari Yang Berhormat untuk menyediakan tempat

dan ruang di Pasir Puteh, saya percaya, insya Allah, perkara ini dapat diberikan perhatian.

(Tuan Yang Dipertua *mem pengerusikan Jawatankuasa*)

Saya juga sekali lagi menyatakan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh yang telah membantu saya dalam memberikan penjelasan yang panjang lebar dalam soal kebudayaan nasional.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak menyebut tentang prestasi sukan dalam negara kita dan sukan yang harus memupuk kesedaran kebangsaan.

Sebenarnya dalam kegiatan sukan ini selain daripada Bahagian Sukan Kementerian ini, kita telah wujudkan Majlis Sukan Negara yang bertujuan untuk meningkatkan prestasi ke arah pencapaian yang cemerlang oleh ahli-ahli sukan kebangsaan. Banyak skim-skim yang diadakan untuk dapat menarik minat ahli-ahli sukan termasuklah skim perangsang, mengadakan pusat cemerlang, memberikan latihan-latihan dan menubuhkan kumpulan-kumpulan elit bagi mereka yang sudah mencapai tahap yang membanggakan dengan harapan kita dapat mencapai prestasi cemerlang di Sukan Asia pada tahun 1986.

Cadangan-cadangan lain mengenai sukan termasuk Ahli Yang Berhormat dari Parit, Ahli Yang Berhormat dari Baling, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang untuk meminta kemudahan-kemudahan sukan yang lebih, saya dapatlah menyatakan bahawa saya penuh simpati dengan pandangan-pandangan tersebut walaupun keadaan agak tidak mengizinkan. Saya juga turut simpati kerana banyak daripada Ahli-ahli Yang Berhormat nampaknya menunjukkan bukan sahaja sokongan bahkan simpati mereka kepada Kementerian dengan meminta

peruntukan yang lebih. Saya percaya perkara ini dapat diberi pertimbangan untuk peruntukan tahun berikutnya.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang menyebut tentang beberapa kekurangan di kalangan pegawai-pegawai dan juga kelemahan-kelemahan oleh kerana beberapa pemimpin-pemimpin belia terlalu terlibat dalam kegiatan politik yang sempit. Perkara ini tentunya, insya Allah, dapat kita beri pertimbangan yang wajar dan mencari penyelesaian yang secukupnya, yang sebaik mungkin.

Tentang kegiatan-kegiatan belia peladang, belia niaga dan program perpaduan belia yang dikemukakan itu, saya percaya juga, Insya Allah, akan dapat kita berikan pertimbangan dan juga menjadikan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang itu sebagai panduan.

Sesungguhnya beberapa program yang melibatkan belia peladang dan belia niaga, itu sedang pun dikaji semula. Kita telah meminta pihak Universiti Teknologi Kebangsaan dan juga pihak SERU dan beberapa agensi lain di universiti untuk membantu untuk memberikan penilaian supaya dapat kita memperbaiki prestasi pusat-pusat latihan dan juga program-program yang telah dijalankan.

Ahli Yang Berhormat dari Baling telah mengemukakan pandangan supaya ditingkatkan kegiatan di kawasan keselamatan dan tentunya perkara ini dapat kita laksanakan. Dan kita berharap untuk melihat satu penyertaan yang lebih di kalangan belia-belia di kawasan-kawasan sempadan terutamanya kawasan-kawasan yang dianggap dan dikira sensitif.

Ahli Yang Berhormat dari Parit meminta supaya program Muzium Negara dapat diatur supaya masyarakat di desa dan luar bandar bukan sahaja dapat menikmati bahkan

berpeluang untuk sama-sama menyaksikan pameran-pameran tersebut.

Saya inginlah memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat dari Parit bahawa sudah pun ada arahan supaya Perpustakaan Negara, Muzium Negara dan juga Arkib Negara menumpukan perhatian untuk dapat memindahkan beberapa pameran-pameran ke negeri-negeri dan kawasan-kawasan desa selain daripada mendapat rombongan-rombongan yang tidak terhenti-henti dari kampung-kampung dan kawasan desa ke bandar.

Tetapi sebagai satu keutamaan dalam projek Kementerian yang melibatkan Muzium, Arkib dan Perpustakaan Negara ini ialah arahan supaya pameran-pameran tertentu dapat diadakan di kawasan-kawasan luar bandar ataupun di luar dari Kuala Lumpur.

Tentang memorandum Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu, pandangan dan memorandum tersebut saya dapati agak menarik dan perkara ini perlulah dikaji secara terperinci. Secara kebetulan pandangan yang beliau kemukakan itu sedang difikirkan oleh pihak pegawai-pegawai di Kementerian. Cadangan beliau tentang Briged Belia Remaja yang dapat menampung bekas pelajar-pelajar SPM ataupun yang gagal dalam SRP itu sudah tentulah perlu diberikan pertimbangan yang wajar supaya program-program diadakan untuk membimbing mereka memupuk kesedaran dan mendapat latihan kemahiran.

Sekali lagi, Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan saranan dan saya ingin memberi jaminan dengan setegasnya bahawa semua pandangan-pandangan yang mereka kemukakan itu akan dijadikan

panduan dalam perjumpaan dan perbincangan pegawai-pegawai supaya pandangan-pandangan dan saranan-saranan mereka di Dewan yang mulia ini dapat dijadikan bahan dan asas untuk kita kembang dan majukan program-program Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$32,414,200 untuk Maksud B. 23; \$2,934,200 untuk Maksud B. 24; \$4,626,900 untuk Maksud B. 25 dan \$4,786,200 untuk Maksud B. 26 di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$32,414,200 untuk Maksud B. 23; \$2,934,200 untuk Maksud B. 24; \$4,626,900 untuk Maksud B. 25 dan \$4,786,200 untuk Maksud B. 26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$13,242,980 yang disebutkan dalam Maksud P. 23; \$300,000 untuk Maksud P. 24; \$360,000 untuk Maksud P. 25 dan \$666,300 untuk Maksud P. 26 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$13,242,980 untuk Maksud P. 23; \$300,000 untuk Maksud P. 24; \$360,000 untuk Maksud P. 25 dan \$666,300 untuk Maksud P. 26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1984.

*Maksud B. 27 (Jadual)—*

*Maksud P. 27 (Anggaran Pembangunan, 1984)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B. 27 dan Maksud Pembangunan P. 27 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Jerai.

6.21 ptg.

**Tuan Ismail bin Arshad (Jerai):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di bawah Maksud Bekalan 27, Kementerian Pertahanan, Butiran 1100, muka surat 279 di bawah program Pentadbiran Tentera dan juga bidang latihan.

Tuan Pengerusi, di akhir-akhir ini kita rasa amat dukacita kerana terdapatnya berbagai-bagai kejadian di dalam Pasukan Angkatan Tentera kita di mana misalnya terdapat beberapa kejadian tembakan pegawai-pegawai oleh anggota tentera, terdapat adanya yang terlibat dengan dadah, terdapat juga kejadian-kejadian rompak bersenjata dan lain-lain kegiatan ataupun tindakan-tindakan yang boleh dianggap kurang disiplin dan sebagainya. Sungguhpun perkara ini bukanlah banyak jika dibandingkan dengan ramainya anggota-anggota Pasukan Tentera kita kerana memandangkan anggota tentera kita ramai iaitu sejumlah lebih daripada 180,000 orang. Maka kejadian-kejadian yang berlaku seperti yang saya katakan tadi amatlah kecil, walau bagaimanapun ianya tetap merosakkan imej tentera kita pada keseluruhannya.

Kejadian-kejadian yang berlaku dalam Angkatan Tentera itu pastilah kerana ianya juga adalah seorang manusia biasa yang terdapat berbagai-bagai kelemahan dan mempunyai berbagai-bagai masalah. Apa yang menjadi persoalan ialah apakah hasil kajian dan usaha tindakan yang diambil oleh pihak pentadbiran ketenteraan ataupun pihak Kementerian bagi mengatasi permasalahan yang ada sekarang ini.

Bagi saya, saya rasa ada sesuatu yang menimbulkan keadaan tekanan perasaan di dalam sebahagian kecil anggota-anggota tentera kita dan ini termasuklah masalah-masalah kebajikan dan kemudahan-kemudahan bagi anggota-anggota tentera itu sendiri selain daripada permasalahan yang timbul dari pengaruh-pengaruh keadaan sekeliling hasil perkembangan negara yang begitu pesat, yang turut juga membawa perasaan yang hampa dan keciwa dalam perkhidmatannya.

Saya sukalah mencadangkan agar Kementerian Pertahanan mengambil tindakan segera bagi mengatasi permulaan masalah-masalah yang dihadapi seperti yang saya katakan tadi dan sebaik-baiknya tingkatkanlah bidang kesempurnaan dan kebaikan bagi kebajikan anggota-anggota tentera kita termasuklah jika perlu mengkaji dan menimbang semula kedudukan-kedudukan gaji dan lain-lain kemudahan, terutamanya bagi anggota-anggota di peringkat rendah.

Yang keduanya, Kepimpinan Melalui Tauladan haruslah dilaksanakan sepenuhnya di dalam Angkatan Tentera oleh pihak-pihak pegawai di semua peringkat supaya dengan keadaan demikian akan dapat mengujudkan rasa keharmonian dan perasaan .berbaik sangka serta silatulrahim di antara sesama peringkat di dalam Angkatan Tentera sendiri. Tindakan-tindakan yang melampau dan tidak bertimbangrasa oleh sebahagian kecil ketua-ketua dalam Pasukan Angkatan Tentera terhadap anggota-anggotanya dalam sesuatu hal dan keadaan akan membawa sesuatu perasaan dendam dan malahan membawa tindakan-tindakan yang di luar daripada kawalan perasaan.

Contohnya, Tuan Pengerusi, saya dapat berikan di sini ada dua kejadian yang pernah berlaku. Yang pertamanya satu kejadian yang berlaku

dalam dua tahun yang lalu iaitu oleh seorang anggota tentera daripada Ipoh yang mana kebetulan ianya berkenalan dengan saya dan beliau ini hanya setahun lagi akan tamat tempoh perkhidmatannya dan beliau minta jika dapat untuk ditukarkan kepada pasukan yang berhampiran dengan negerinya sendiri iaitu di Kedah, kerana beliau sendiri bercadang untuk membuat persediaan memulakan penghidupan baru selepas daripada tamat perkhidmatan dalam tentera serta kebetulan ibunya juga telah tua dan tidak ada orang lain yang akan menjagainya. Anggota tentera ini telah memohon pertukaran dengan mengemukakan borang-borang tertentu pada bulan Mac dalam tahun yang berkenaan menerusi pegawainya dan sehingga bulan Mei tidak mendapat sebarang jawapan. Apabila beliau menemui saya, beliau meminta jasa baik saya jika dapat ada kenalan di pihak Kementerian di atas supaya dapat memberi pertimbangan atas permohonannya dan kebetulan saya juga kenal dengan Timbalan Menteri Petahanan itu.

Saya telah menulis sepucuk surat peribadi meminta perhatian nama anggota tentera ini dan beliau telah membuat permohonan pertukaran dan jika dapat berilah pertimbangan berdasarkan hal-hal yang sebenarnya yang dapat saya perakukan. Apabila surat ini sampai kepada Timbalan Menteri yang berkenaan beliau telah panjangkan kepada pegawai yang berkenaan di Bahagian Perkhidmatan dan Perjawatan dan sebenarnya tidak ada permohonan di sana, kebetulannya oleh kerana Timbalan Menteri yang memanjangkan surat saya itu, pegawai ini terus menghubungi pihak yang bertanggungjawab di Ipoh, bila sampai di Ipoh rupa-rupanya permohonannya masih berada di sana dan oleh kerana ia merasainya tersinggung dengan kerana tekanan dari atas kononnya, beliau telah memadam tarikh permohonan daripada bulan Mac diganti dengan

tarikh bulan Jun dan akhirnya borang itu dikemukakan kepada pihak Kementerian di Kuala Lumpur. Dan masalahnya yang timbul ialah selepas kejadian ini berlaku dipanggilnya anggota tentera tadi dimaki oleh pegawai berkenaan dan diambil tindakan disiplin di mana dihukum anggota tentera ini supaya berlari pada setiap hari lebih kurang 2 jam selama seminggu sebagai tindakan kononnya menyampaikan maklumat kepada orang lain sehingga sampai kepada Menteri, Menteri pula turun ke bawah baru borang permohonan itu naik ke atas. Bukan itu sahaja, saya sendiri menerima surat kecaman daripada pegawai tentera yang berkenaan di Ipoh itu sendiri yang mengecam berbagai-bagai kata yang tidak seharusnya saya sebut.

Jadi soal ini yang sebenarnya ialah kerana tindakan yang tidak sepatutnya dilakukan dan oleh kerana tindakan-tindakannya itu telah mengambil tindakan yang di luar daripada yang sepatutnya dan itulah yang saya katakan tadi, kadang-kadangkala tindakan itu akan menimbulkan suatu perasaan dendam, malahan membawa tindakan-tindakan yang di luar daripada kawalan perasaan. Walau bagaimanapun sekarang ini anggota tentera itu telah pun bersara dan beliau sentiasa menaruh perasaan bahawa tindakan yang dibuat kepadanya itu sebagai suatu tindakan yang amat kejam.

Selain daripada itu, satu lagi sebagai contohnya saya berikan di Kuantan, ada seorang lagi anggota tentera kita yang berpangkat Lance Kopral. Pada suatu masa ada satu majlis yang diadakan oleh pihak Persatuan Kebajikan Isteri-isteri Angkatan Tentera dan sepatutnya isteri beliau ini juga mesti hadir, tetapi oleh kerana isteri beliau ini kurang sihat dan anak kecil, tidak dapat hadir. Selepas daripada itu, si suaminya sebagai anggota tentera yang bekerja

berpangkat Lance Kopral tadi telah dipanggil oleh ketuanya yang mana isterinya menjadi Ketua Persatuan tadi. Memandangkan oleh kerana isterinya tidak hadir dalam upacara-upacara persatuan yang diadakan, maka hukuman itu diletakkan di atas anggota tentera tadi dengan diberikan hukuman kena cuci longkang selama seminggu. Setiap hari datang kerja terpaksa bawa penyapu, kutip segala sampah-sampah dan sebarang kekotoran di dalam longkang selama seminggu. Tindakan ini, saya rasa, adalah di luar daripada peraturan tugas, semata-mata hanya badan kebajikan dan badan sukarela, tetapi diambil tindakan melampaui dan menimbulkan juga satu perasaan dendam yang tidak habis-habis. Walau bagaimanapun, sekarang ini anggota tentera yang saya sebutkan ini juga telah berhenti dan bersara.

Selain daripada itu, sekarang ini sebagai seorang Wakil Rakyat, saya banyak didatangi oleh anggota-anggota tentera yang meminta sokongan dan mengesahkan tentang kedudukan berbagai-bagai masalah, semata-mata kerana hendak berhenti daripada menjadi anggota Pasukan Tentera. Saya percaya sebab-sebabnya mungkin beberapa tekanan dan menimbulkan perasaan-perasaan yang tidak senang, dengan kerana itu mereka hendak berhenti. Tetapi oleh kerana mereka telah menandatangani perjanjian tempoh perkhidmatan, mungkin mereka tidak akan dapat berhenti dan oleh kerana itulah mereka mencari berbagai-bagai helah dan sokongan untuk mendapat berhenti.

Jadi, inilah contoh-contohnya yang saya berikan dan bukanlah saya hendak mengecil-ngecil ataupun hendak memburuk-burukkan apa yang berlaku kerana perkara ini bukanlah perkara yang banyak berlaku, tetapi merupakan perkara yang kecil berlaku. Walau bagaimanapun, inilah saya rasa di antara masalah-masalah yang

membawa berbagai-bagai tekanan perasaan, di samping masalah-masalah lain dalam kebajikan-kebajikan perkhidmatan mereka yang perlu diberi perhatian. Sekiranya kalau dapat pihak Kementerian mengambil perhatian yang sebaik-baiknya dalam perkara ini, maka saya berharap bahawa Pasukan Tentera kita akan dapat meningkatkan prestasi perkhidmatan mereka dan memberikan rasa tanggungjawab yang penuh terhadap perkhidmatan dengan sepenuh-penuhnya.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan di bawah Bekalan Kementerian Pertahanan yang dimohon.

*(Tiga Ahli Yang Berhormat Bangun)*

**Tuan Pengerusi:** Ada tiga lagi, kalau Yang Berhormat bersetuju, saya akan minta Timbalan Menteri menjawab pada pukul 7.00 malam. Bolehkah bersetuju begitu? Ya, sila.

6.35 ptg.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bercakap membahaskan Maksud Bekalan 27, muka surat 279 hingga 282, tiap-tiap satu itu Program (2), iaitu Pentadbiran, Pertahanan dan Perkhidmatan Tentera.

Saya mengucapkan tahniah dan berterima kasih kepada pihak tentera yang telah mengawal negara ini, yang mendaulatkan negara kita ini daripada kawalan-kawalan yang begitu rapi oleh pihak Tentera kita di negara kita yang mulia ini.

Saya saksikan apabila melalui Lebuhraya Timur-Barat, iaitu daripada Gerik ke Siam—ke Kelantan, maaf . . . .

**Tuan Pengerusi:** Beliau teringat "Siam" sahaja (*Ketawa*).

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tersasul, Tuan Pengerusi. Jadi nampaklah khemah-khemah tentera di atas-atas bukit itu dan tertulislah kepada pinggiran bukit yang licin itu, ditulisnya: Satu Peluru Untuk Satu Musuh. Jadi, begitu gigihnya. Bererti satu peluru itu tidak terbuang, melainkan untuk mengenai badan musuh itu. Begitulah gigihnya tentera kita dengan bermotto ataupun berpedomankan kepada perkataan tersebut memberi semangat. Tengoklah di atas bukit, bawa air daripada bawah, rumahnya dengan keadaan tempat berteduh air hujan itu yang dikatakan "rain coat".

Tuan Pengerusi, begitu juga dengan kerja-kerja usaha kebajikan yang diberi oleh pihak Tentera kepada orang awam, seperti banjir, titi rosak segera dibuat. Begitulah banyak layanan-layanan yang diberi oleh Tentera kepada negara ini, tetapi malangnya pihak Tentera telah merungut, sebagaimana Yang Berhormat dari Jerai, saya mendengar rintihan mereka, mula-mula dengar Tentera Wataniah kita, "Kami bertugas selama 20 tahun akan berhenti, apalah kami dapat, tolong Yang Berhormat cakapkan". Tetapi "Apo Nak Dikato" (*Ketawa*), kita Wakil Rakyat biasa.

Ada askar-askar di Tapah itu bercerita kepada saya, sewa rumah di Kuala Lumpur ini \$80 kepada tentera biasa, kepada Pegawai Waran \$131 di Kuala Lumpur ini, kalau di tempat lain lebih rendah lagi, mengikut keadaan. Jadi, manakah layaknyanya manusia yang duduk di Kuala Lumpur ini duduk dengan harga sewa rumah \$80 dan \$131 itu? Perumahan-perumahan tempat tinggal ini adalah sangat perlu kerana mereka ada mempunyai isteri dan anak dan mereka akan bertugas menjaga disiplin diri dan kawasan mereka.

Tuan Pengerusi, begitu juga kemudahan kenderaan (mileage), Pegawai Waran diberi kadar belanja

motosikal, iaitu 20 sen sebatu walhal mereka telah pun memakai Pangkat III, ada yang I di atas itu, namanya Sarjan Mejar, saya kurang pasti. Mereka ini terpaksa apabila disuruh arah ke sana dengan membawa kereta mereka sendiri, tetapi dapat 20 sen sebatu, sebagaimana pegawai-pegawai rendah di Jabatan-jabatan lain juga.

Satu daripadanya lagi, saya hendak menyatakan kesedihan mereka. Apabila mereka hendak bersara, mereka diberi latihan. Latihan ini rasa saya sudah membazir kepada mereka; latihan perikanan, latihan bercucuk tanam, membawa trektor. Apabila berhenti sahaja, mereka jadi Jaga. Jadi, sudah tak seimbang, apa yang dilatih waktu hendak diberhentikan tetapi kerja yang dibuatnya bukan kerja yang dalam latihan tadi, lain—Jaga.

Sekarang ini barulah saya tahu ada pula dimaklumkan, di Sungai Besi ada satu latihan yang bersungguh-sungguh untuk bekalan mereka menjalani sisa-sisa hidup mereka dapat latihan potensi mereka dan mereka boleh bekerja di atas latihan itu, syukur Alhamdulillah. Begitu juga, pihak Kerajaan juga melayani veterab-veteran, setengahnya telah menjadi kontraktor yang berjaya dan ahli-ahli perniagaan. Kerajaan juga telah memberi keutamaan kemudahan dari apa juga permohonan-permohonan daripada pihak tentera.

Tuan Pengerusi, saya membawa Program (4), Latihan Ketenteraan. Latihan ini dahulu dibuat untuk melawan komunis, tetapi latihan ketenteraan sekarang ialah ketenteraan terbuka. Jadi tentulah berkehendakkan tentera yang ramai dan ada dalam Program Pertahanan Negara, katanya:

"Mempastikan bahawa Angkatan Tentera Malaysia mempunyai kemampuan yang cukup untuk memikul tanggungjawab

mempertahankan negara dari sebarang ancaman musuh, baik dari dalam mahupun dari luar negeri.”

Cukup bagus ayatnya tetapi yang saya difahamkan bahawa Askar Melayu ini ada 31 batalion, tetapi telah menurun kepada 27 batalion. Apakah sebabnya terjadi demikian. Kita orang Melayu ini ada 3 yang saya tahu ada Melayu. Keretapi Tanah Melayu, *Utusan Melayu* dan Askar Melayu. Itu ada Melayu lagi. Itu sudah turun pula Melayu di dalam askar. Itu saya hendak buat pertanyaan, harap Timbalan Menteri Pertahanan ini menjawab kemudian. Askar-askar lain tidak pula dikurangkan. Mengapa demikian. Kalau dikatakan resesi negara mengapa askar Tentera Laut, Tentera Udara tidak dikurangkan. Mengapa Askar Melayu ini dikurangkan batalionnya?

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat dari Jerai berkenaan disiplin dan perasaan tidak puas hati, ini adalah datangnya daripada latihan-latihan semasa dalam ketenteraan. Kalau perkhidmatan pertahanan ada latihan, latihan asas ketenteraan, latihan professional berkenaan dengan latihan kebolehan dan latihan kemahiran ini seperti membawa kereta. Rasa saya, saya berjalan di atas jalan raya pergi balik, pergi balik, motokar tenteralah yang lari laju sekali, menyelinak memotong motokar-motokar lain. Apakah latihan yang diterima oleh mereka. Walhal tertulis di situ 70 km tetapi lari lebih daripada itu. Yang Boleh memotong motokar MG sahaja. Itulah kereta tentera yang dikatakan latihan profesional tadi. Harap . . . .

**Tuan Pengerusi:** Motokar apa Yang Berhormat? Motokar MG?

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** MG zaman dahululah. Sekarang sudah tidak nampak. Sekarang Honda Sport (*Ketawa*).

Begitu juga latihan-latihan akademik, latihan teknikal, latihan vokasional tetapi hendaklah dimasukkan satu latihan agama. Saya percaya latihan agama ini ada tetapi macam biasalah, ada guru agamanya, belajar fardu Ain sedikit sebanyak, lebih kurang hendak datang, datang, tidak datang pun tidak mengapa. Macam itu tidak. Dikhususkan ada satu kuliah memberi latihan bagaimanakah ketinggian rohaniah, latihan ibadah yang sungguh-sungguh sehingga tidak terjadilah rompakan senjata, bergaduh di Kedah, bergaduh di sana, di sini, tidak terjadi, insya Allah kerana latihan agama itu adalah ketinggian rohaniah mereka kerana kita dapati ada pihak-pihak tentera ini dahulu mandi hadas pun tidak tahu. Sampai tentera baru diajar. Ini meningkat lebih tinggi lagi supaya ketinggian kerohaniah dapat dilaksanakan dalam ketenteraan itu hingga dia berhenti dia boleh menjalani hidup dengan sempurna dan inilah bekas-bekas orang yang berdisiplin. Pendek kata kalau hendak mencari boleh bermenantu askar kerana rumah suci bersih, tetapi sekarang ini sudah comot rumah.

Tuan Pengerusi, oleh kerana saya diberi sedikit sangat masa, saya banyak berterima kasih dan menyokong penuh Maksud Bekalan 27 Kementerian Pertahanan.

6.44 ptg.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah (Pasir Mas):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membincang mengenai perkara Kementerian Pertahanan ini di muka surat 279, Butiran 1100, Program (2).

Tuan Pengerusi, tadi dua orang telah bercakap nampaknya kedua-duanya telah mengesyorkan sedikit sebanyak supaya nasib anggota tentera kita ini diberi pembelaan yang sewajarnya. Barangkali hal ini berlaku kerana Anggaran Tentera kita tidak

mempunyai kesatuan seperti pegawai-pegawai yang berkhidmat di perkhidmatan yang lain yang menyalurkan rasa tidak puas hati dalam perkhidmatan mereka kepada kesatuan-kesatuan mereka. Tetapi oleh kerana Angkatan Tentera kita tidak mempunyai itu semua barangkali, Wakil-wakil Rakyat terpaksa bercakap bagi pihak tentera membela pihak tentera untuk menaikkan taraf hidup perkhidmatan pihak tentera dan sebagainya.

Demikian juga saya pada hari ini; apabila saya meneliti mengenai tangga gaji Angkatan Tentera terutama sekali daripada peringkat rendahnya. Sebagai contoh saya berikan seorang Perebet mula berkhidmat sebagai seorang pegawai tentera dengan gaji \$325 sebulan dan mati gajinya, iaitu gaji akhirnya sebanyak \$585, Lans Koperal dengan \$505 hingga sampai \$605, Koperal dengan \$555 hingga sampai \$735, Sarjan \$675 hingga sampai \$855 dan hinggalah sampai kepada Setaf Sarjan \$795 hingga sampai \$945. Memandangkan keadaan-keadaan ini maka saya rasa adalah amat wajar bagi Kerajaan meneliti kembali atau mengkaji semula tentang tanggagaji pasukan tentera kita sekarang ini.

Kita melihat bahawa seorang Perebet untuk naik pangkat menjadi Sarjan barangkali memakan masa sampai 12-13 tahun, itu pun tidak semua orang yang akan naik ke pangkat Sarjan. Barangkali hanya beberapa peratus sahaja atau sebahagian kecil sahaja yang akan menikmati gaji Sarjan yang matinya \$855. Yang lainnya barangkali akan tinggal sebagai perebet lapuk. Jadi, bagi seseorang Angkatan Tentera yang menerima gaji yang begitu rendah adalah suatu perkara yang saya rasa amat tidak adil memandangkan tugas-tugas Angkatan Tentera kita sekarang ini yang begitu banyak. Ketika orang bersujuk-sejuk di dalam bilik hawa

dingin mereka berpanas, ketika orang berpanas-panas mereka berdingin-dingin di tengah-tengah hutan belantara. Ketika Hari Raya orang sedang menghadapi hidangan dengan kaum keluarga, dia hanya menikmati hidangan yang dihantar dengan bungkusan di tepi-tepi perbatasan kita. Memandang kepada keadaan-keadaan ini, keadaan-keadaan yang menekan kehidupan, keselesaan Angkatan Tentera, saya rasa amat wajarlah kita beri pertimbangan yang sebaiknya kepada Angkatan Tentera kita.

Saya rasa apa yang disebutkan oleh Wakil Jerai tadi di mana beberapa kejadian dalam Angkatan Tentera yang tidak kita senangi berlaku adalah disebabkan oleh rasa tidak selesa hidup, rasa tekanan hidup mereka dengan gaji yang kecil. Dengan sebab itulah berlaku di mana penyeludupan dadah dilakukan juga oleh anggota-anggota tentera, rompakan dan sebagainya, saya rasa ini semua adalah tekanan-tekanan hidup yang mereka terpaksa tempoh. Mereka hidup dalam kem tentera, mereka tidak ada pendapatan atau punca pendapatan yang lain. Kalau pegawai-pegawai Kerajaan yang lain ada jugalah sedikit sebanyak pendapatan sampingan sekurang-kurangnya beras mereka tidak beli barangkali kerana mereka hidup di kampung, hasil daripada harta pesaka yang ditinggalkan oleh ibu-bapa mereka, tetapi Angkatan Tentera tidak merasakan ini semua kerana kebanyakannya mereka tinggal jauh daripada kampung-kampung mereka. Jadi punca pendapatan mereka adalah semata-mata daripada gaji mereka. Dengan sebab itu saya mencadangkan dalam Majlis ini supaya gaji angkatan tentera kita dikaji semula seberapa cepat yang mungkin.

Perkara yang kedua ialah mengenai sewa rumah Angkatan Tentera yang telah pun juga disebutkan oleh Wakil dari Batang Padang tadi. Saya pernah

melihat sendiri di bandaraya Kuala Lumpur ini anggota-anggota tentera tinggal di rumah-rumah haram. Mereka tak pakai uniform, mereka pakai seluar askar tetapi bajunya baju biasa, berselit-selit berjalan di celah-celah rumah haram dengan motor Honda mereka pergi ke tempat mereka bekerja. Saya tertanya-tanya mengapa mereka tak pakai uniform. Jawapan yang saya dapat ialah tentulah mereka merasa malu, mereka merasa malu kalau hendak pakai pakaian Angkatan Tentera yang lengkap kerana mereka terpaksa berjalan di celah-celah rumah haram. Mereka hendak jaga imej Angkatan Tentera barangkali maka mereka terpaksa menyembunyikan diri mereka sebagai seorang Angkatan Tentera.

Jadi saya rasa perkara-perkara yang begini adalah tidak patut berlaku dalam angkatan tentera. Pada saya memakai uniform, seorang tentera yang memakai uniform dia tentulah merasa bangga diri, kalau tidak ada rasa bangga diri, kalau rasa malu pakai uniform tentulah ini sesuatu yang tidak kena. Jadi dengan sebab itu juga soal sewa rumah angkatan tentera ini hendaklah juga dikaji semula.

Perkara yang ketiga yang saya hendak sebutkan ialah soal latihan. Baharu-baharu ini berlaku suatu kejadian di Alor Setar dan tidak berapa lama dahulu kejadian yang sama berlaku di Pengkalan Chepa. Di mana askar-askar yang sedang membuat latihan telah dilanggar oleh kereta, tidak tahu apakah sebabnya angkatan tentera kita terpaksa membuat latihan di jalan-jalan raya, dalam keadaan malam gelap pula. Saya rasa adalah amat baik untuk mengelakkan daripada perkara ini berlaku lagi, kemalangan-kemalangan yang tidak memberi apa-apa faedah pun kepada negara, tidak berlaku lagi, di harap supaya latihan-latihan yang seperti ini kalau hendak diadakan tidak usahlah diadakan di jalan raya, atau pun tidak

usahlah diadakan di waktu malam-malam buta kata orang. Seperti yang berlaku di Alor Setar, kalau tidak silap saya pukul 10.00 malam latihan itu dijalankan, berjalan atau berlari lasak di jalan raya dengan ramainya, jadi tentulah kemungkinan berlakunya kemalangan-kemalangan adalah besar jika suatau golongan besar memenuhi jalan raya.

Akhirnya mengenai nasib pesara angkatan tentera. Saya terbaca dalam suratkhbar dua, tiga hari yang lepas di mana seorang pejuang tanahair, yang gambarnya terpampang di suratkhbar di dadanya gemerlapan dengan bintang-bintang yang dikurniakan kepada mereka tetapi dalam hidup mereka, penuh dengan kegelapan. Tertanya pula saya apakah nasib sebahagian besar lagi bekas-bekas pejuang-pejuang tanahair yang sudah bersara.

Bagaimanakah nasib mereka, bagaimanakah layanan diberikan oleh Kerajaan kepada mereka apakah hidup mereka selesa seperti seorang pesara daripada kakitangan Kerajaan yang lain. Kita sedar bahawa banyak rancangan-rancangan telah diberikan oleh Kerajaan dalam mendapatkan pekerjaan kepada pesara-pesara.

Umpamanya dengan rancangan-rancangan tanah dan yang dikatakan oleh wakil dari Batang Padang tadi menjadi Jaga di mana-mana pejabat dan sebagainya, ini saya rasa tidak mencukupi sebab bilangan yang bersara dari satu angkatan yang besar yang jumlahnya ratusan ribu adalah jumlah yang besar maka Kerajaan haruslah mengambil perhatian berat dalam soal pesara-pesara yang satu masa telah berkhidmat dengan gigih untuk menjaga keamanan negara. Hanya sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.55ptg.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan-pandangan, syor-syor yang telah dikemukakan oleh mereka itu. Saya dengan pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan akan mengambil perhatian yang serius atas pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang membina yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

Saya tidak bercadang untuk menjawab satu persatu perkara-perkara yang dibangkitkan oleh mereka kerana masa yang diberikan agak singkat, memadailah saya jawab kepada perkara-perkara yang penting sahaja dan kepada perkara-perkara yang mungkin yang saya tidak sempat menjawab akan dikaji dan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian saya.

Yang Berhormat dari Jerai telah menyentuh berkenaan dengan perkara disiplin angkatan tentera kita. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, askar kita memang jauh lebih besar dari askar-askar misalnya negara jiran kita di selatan. Dan saya berasa sedih atas tingkah laku pegawai-pegawai yang telah mengirinkan surat yang kurang sopan itu kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membela nasib seorang askar yang memohon meminta peralihan balik ke kampungnya setahun sebelum beliau bersara.

Selalunya permintaan-permintaan daripada askar-askar yang hendak bersara dan memohon hendak berpindah ke kampung mereka untuk menjalankan latihan peralihan selalunya kita di Kementerian Pertahanan menimbangkannya dan selalu memberi permintaan mereka supaya mereka dapat menyesuaikan hidup mereka sebagai orang awam

selepas habis perkhidmatan dengan angkatan tentera. Saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa saya akan meminta suatu siasatan atas kejadian yang berlaku yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Pengerusi, angkatan tentera kita telah semenjak Vietnam Selatan jatuh kepada pihak komunis bahawa Kerajaan kita telah memperbesarkan angkatan kita dalam rancangan pembesaran angkatan tentera, atau dengan nama ringkasnya PRESTA sejak tahun 1979 sampai kepada tahun 1983.

Oleh kerana pembesaran yang telah dibuat ketika itu, maka dari segi qualiti kita berkurangan oleh kerana kita berkehendakkan personnel yang banyak serta-merta. Oleh kerana itu soal kekurangan rumah juga telah timbul dan kita sedar bahawa pihak agensi-agensi yang membina projek-projek perumahan tidak dapat menumpukan sepenuhnya dengan peruntukan yang diberi oleh Kementerian Pertahanan untuk menampung keperluan perumahan yang dikehendaki oleh askar-askar kita di seluruh Malaysia. Oleh kerana itu timbullah kekurangan rumah di kem-kem tentera di seluruh negara.

Berkeenaan masalah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang dan Pasir Mas telah menimbulkan mengenai askar-askar yang tinggal di rumah-rumah haram dan di meratarata tempat. Saya memberikan jaminan di Dewan yang mulia ini apabila keadaan ekonomi negara kita pulih semula, insya Allah inilah satu top priority rancangan yang akan dijalankan oleh Kementerian Pertahanan.

Berkeenaan dengan program latihan ataupun latihan peralihan yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang, sebenarnya

tempat di mana latihan itu dijalankan ialah di Sungai Buluh, bukan di Sungai Besi, dengan program-program tertentu telah dijalankan oleh Bahagian Hal Ehwal Perajurit di Kementerian Pertahanan untuk melatih bakal-bakal bekas perajurit kita supaya mereka apabila menjadi orang awam, mereka mempunyai kemahiran seperti membuat batu-bata, menjadi seorang peniaga kecil atau berkenaan kursus perakaunan yang perlu difahami oleh mereka sebelum menjalankan business kecil mereka itu.

Berkenaan dengan tanggagaji yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih, sebagaimana kita sedia maklum bahawa keadaan ekonomi negara sekarang tidak dapat mengizinkan kita menaikkan tanggagaji Angkatan Tentera kita. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertahanan sentiasa mengkaji dari semasa ke semasa berkenaan dengan soal gaji ini.

Berkenaan perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang juga berkenaan dengan Regiment Askar Melayu Diraja yang telah digantungkan oleh kerana keadaan ekonomi yang meleset, jadi Kementerian Pertahanan terpaksa mengambil tindakan untuk mengurangkan perbelanjaan mengurus dalam Pasukan Tentera Darat. Oleh kerana itu dua batallion Askar Melayu Diraja telah digantung dan dua Batallion Ranger juga telah digantung untuk sementara waktu dan baru-baru ini satu batallion Askar Melayu Diraja yang telah digantung itu telah pun dikumpulkan semula untuk menjalankan tugas seperti biasa.

Saya memang sedar bahawa ada kadangkalanya kenderaan-kenderaan tentera telah berlanggar dengan kenderaan-kenderaan awam di jalan raya, tetapi dari segi statistik yang diperolehi oleh Kementerian saya bahawa bilangan kenderaan tentera

yang terlibat dalam pelanggaran di jalan raya sangatlah sedikit dibanding dengan kemalangan yang berlaku di antara kenderaan awam keseluruhannya di negara kita.

Kementerian Pertahanan telah mempunyai sebuah sekolah di Taiping untuk melatih pemandu-pemandu tentera untuk meninggikan lagi taraf kebolehan mereka memandu kereta-kereta Land Rover dan juga Trucks yang besar di atas jalan raya.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, sekianlah point-point yang dapat saya sentuh berkenaan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$2,090,000,000 untuk Maksud B. 27 di bawah Kementerian Pertahanan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,090,000,000 untuk Maksud B. 27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$96,060,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 27 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$96,060,000 untuk Maksud P. 27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1984.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ucapkan selamat

13057

18 NOVEMBER 1983

13058

balik ke kampung dan selamat balik ke Dewan ini pada hari Isnin dan diharap tidak ada apa-apa kejadian kemalangan di jalan raya oleh lori-lori atau apa-apa kenderaan.

Majlis ditangguhkan sehingga hari Isnin, jam 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.10 malam.*